Dari kiri: Darma[illegible] T, T. Gunasekan



Silat - Mohd Shakief bin Zainuddin
- pemenang pingat emas kejohanan Silat Remaja Kebangsaan
- pingat emas MSSWP (Kelas D)



Bolatampar.
Dari kiri: Tan Wee Teck,
Chan Seng Wai, Chin Soon Weng,
Tay Kean Meng




Sepak takraw
R. Azimi



Hoki
Dari kiri: Azmudin Ibrahim, Keshminder Singh, M. Kumaran,
S. Sangkar (Separuh Akhir Hoki MSSWP)

AKADEMIK



Chin Yoon Sin
Pelajar terbaik SRP 1989/90



Heng Zee Wang
Pelajar terbaik SPM 1989/90


LAPORAN PERSATUAN



KYAIRUL ANUAS BIN MOHD
3 PD 1


FOOD

LAPORAN LEMBAGA PENGAWAS





Ahli Jawatankuasa Lembaga Pengawas 1990/91

Guru Penasihat	:	En. M. Kumaresan, En. Fadzil
Ketua Pengawas	:	Oon Jin Hsiong
Pen. Ketua Pengawas	:	Chong Yew Meng
Setiausaha	:	Chin Yoon Tze
Bendahari	:	Lau Seong Lim
Ketua Patrol	:	Khoo King Low
	:	Foo Sik Seng
	:	Suhaimi bin Ismail
Ketua Disiplin	:	Dev Anand

Matlamat

Lembaga Pengawas ditubuhkan untuk membantu pihak sekolah dalam pengawalan disiplin pelajar-pelajar. Seterusnya mewujudkan suatu suasana yang sesuai untuk proses pembelajaran di samping menunjukkan suatu teladan yang baik untuk dicontohi oleh para pelajar.

Aktiviti-aktiviti:

1) Kursus Kepimpinan Pengawas
Kursus ini dijalankan untuk melatih para pengawas sekolah menjalankan tugas dengan lebih efektif lagi. Ia juga bertujuan untuk menerapkan sifat-sifat kepimpinan di kalangan pengawas. Kursus ini dikelolakan oleh pihak sekolah, bantuan daripada Unit Bimbingan. Sekolah dan beberapa guru jemputan khas dari sekolah lain.

2) Sukan Pengawas Antara Sekolah-sekolah Wilayah Persekutuan buat kali keduanya kami mengambil bahagian dalam acara sukan ini. Sukan pengawas ini dianjurkan oleh Sekolah Menengah Chong Hwa, Gombak. Kami telah berpasangan dengan Lembaga Pengawas Sekolah Menengah Perempuan Pudu dan berjaya menjadi naib johan dalam acara catur dan ping-pong.

3) Majlis Pengawas
Majlis Pengawas telah diadakan pada 18/5/91 sebagaimana yang telah dijalankan pada tahun-tahun lepas. Objektif utama pengadaan majlis itu ialah merapatkan hubungan kami dengan Lembaga Pengawas sekolah-sekolah lain.

4) Kempen Teleton
Kami telah bergabung dengan Persatuan Bulan Sabit Merah untuk mengutip dermaan sebanyak $200.00 sejajar dengan pelancaran kempen tersebut.

5) Kami juga menjadi pihak penganjur dalam Hari Guru yang diadakan baru-baru ini. Selain itu, Lembaga Pengawas memainkan peranannya dalam Majlis Penyampaian Hadiah, Merentas Desa dan Hari Sukan Sekolah.

Saya mewakili pihak Lembaga Pengawas ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak sekolah guru-guru penasihat kerana telah memberi sokongan dan bantuan kepada kami.

CHIN YOON TZE
Setiausaha

There is nothing so stupid as an educated man, if you get off the thing that he was educated in.

(Will Rogers)

LAPORAN KOPERASI

LEMBAGA PENGARAH SESI 1990/1991



Pengerusi	:	En. A. Atputharaja
Naib Pengerusi	:	Pn. Norsiah Mohd Yusof
Setiausaha	:	Pn. Nur Azlina Abdul Aziz
Naib Setiausaha	:	Pn. Ong Tan Chon
Bendahari	:	Pn. Yee Kok Seong
Naib Bendahari	:	En. Chan Chee Man
Pengurus	:	En. Su Too Foong
Naib Pengurus	:	En. Choo Chee Seng
AJK (Tingkatan 5)	:	Chan Chee Keong, Gan Yaip Seng, Yong Chee Wai, Ng Boon Guan, Lim Yat Keong
AJK (Tingkatan 4)	:	Chin Siong Yew, Rahamathullah, Shamnazli, Ahmad Bahar.
AJK (Tingkatan 3)	:	Alvin Low, Hang Chen Sing, Mohd Faizal, Wan Ahmad, Shekal.
AJK (Tingkatan 2)	:	Loo Chien Chong, Ali Sadikin, Andrew Tan, Mohd Khairi, Mohd Khairuddin.

AKTIVITI


1) Wakil menjual insuran A.I.A.
2) Menjual kasut Marco
3) Menjual kad ucapan, poskad dan "BOOK MARK"
4) Menjual alat tulis.
5) Menguruskan penjualan gambar tingkatan dan persatuan untuk sekolah.
6) Menjual beraneka jenis benda seperti tali pinggang, dompet, sikat dan sebagainya.

Saya sebagai pihak koperasi sekolah ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua ahli koperasi yang telah bekerjasama dan memberi sokongan dalam memajukan koperasi kita. Harapan semoga koperasi kita akan terus maju dan berkembang dengan sokongan dari ahli-ahli.

Sekian, terima kasih.

Pn. Nur Azlina
Setiausaha

LAPORAN KELAB KOMPUTER



Senarai nama Ahli Jawatankuasa Kelab 90/91

Guru Penasihat	:	En. Rama Rao	Cik Ooi Bee Geok
		Pn. Noriza Nayan	Pn. Noraini
Presiden	:	Ivan Chong Yeow Ming	
Naib Presiden	:	Lim Chee Kiong, Lim Boon Leong	
Setiausaha	:	Low Wan Leong	
Penolong Setiausaha	:	Ng Zee Chew, Goo Chee Heong	
Bendahari	:	Oon Jin Hsiong	
Penolong Bendahari	:	Stanley Tan, Tan Goon Chew	
Service Director	:	Khoo Wee Keong, Mohan Ram	
Hardware Consultant	:	Amrit Singh, Mugilan	
Software Consultant	:	Yap Kok Seng, Izham	
P.R.O.	:	Yu Tien Kee	

Aktiviti-aktiviti yang sedang dijalankan oleh Kelab ini :

i) Sewaan komputer untuk murid-murid pada setiap Jumaat.
ii) Mengadakan tayangan video pada hari Jumaat.


Beberapa rancangan juga sedang dirancang termasuk :

i) Majlis perlantikan dan majlis perpisahan
ii) Pertandingan dalam permainan dan program komputer
iii) Lawatan untuk mengeratkan hubungan antara ahli-ahli kelab
iv) Mengemaskan bilik komputer untuk menjamin suasana pembelajaran yang baik
v) Mengecat semula dinding luar bilik komputer

Saya mengakhiri laporan ini dengan mewakili seluruh ahli jawatankuasa kelab ini untuk merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada keempat-empat orang guru penasihat kami dan guru pelajaran kami, Puan Hayati di atas segala tunjuk ajar dan nasihat yang telah mereka berikan.

NG ZEE CHEW
Setiausaha Kelab

LEMBAGA PUSAT SUMBER



Guru Penasihat	:	**Encik Athithan**	**Encik Rama Rao**
Ketua	:	Looi Mun Khuen	
Pen. Ketua	:	Koh Kok Hong	Lim Heng Wong
Setiausaha	:	Tee Wooi Cheong	
Pen. Setiausaha	:	Gan Yaip Seng	
Bendahari	:	Cheng Chong Wai	
Pen. Bendahari	:	Fadzli Shah	
Kuatermaster	:	Low Wai Pun	Keshminder Singh
AJK	:	How See Boon	G. Vikna (Penyelia Stok)
		Khairul Ismail	(Kebersihan)

Lembaga Pusat Sumber 90/91 mula mengambil alih tugas pada bulan Julai 1990. Jumlah perpustakawan adalah sebanyak 77 orang iaitu 30 untuk sesi petang dan 47 untuk sesi pagi termasuk ahli jawatankuasa yang disenaraikan di atas. Perpustakaan yang terdapat pada hari ini adalah dihadiahkan kepada keluarga Thomas dan ia telah diberi gelaran sebagai 'Perpustakaan Thomas'.

Aktiviti-aktiviti :-

1)	Jul/90	- Ogos/90	:	Memperbaharui sistem pengurusan kerja-kerja Perpustakaan.
2)	Dis/90	- Jan/91	:	Sukan Persahabatan diantara Pengawas Perpustakaan sekolah-sekolah di Wilayah Persekutuan. Projek ini digabungkan dengan Sek. Men. Puteri Titiwangsa dan Sek. Men. Chong Hwa Gombak.
3)	Jan/91	- Feb/91	:	Perbahasan diantara perpustakaan MBSS yang telah disertai oleh 4 kumpulan perpustakawan.
4)	Mac/91		:	Jualan Jumble, gabungan dengan Persatuan Bahasa Cina dan Kumpulan Pengakap Batu 12
5)	Apr/91	- May/91	:	Projek pengubahsuaian perpustakaan dan pembelian buku-buku baru.
6)	Jun/91		:	Majlis Perlantikan dan temu mesra tahunan telah diadakan untuk melantik ahli jawatankuasa 91/92

Akhir kata, kami, Lembaga Pusat Sumber ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat, En. Athithan, atas segala tunjuk ajar, nasihat serta bimbingan yang beliau telah berikan selama ini. Saya bagi pihak Lembaga juga ingin mengucap ribuan terima kasih kepada perpustakawan yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang untuk menjaga perpustakaan sekolah kami.

Dilaporkan oleh,
Tee Wooi Cheng
Setiausaha 90/91

LAPORAN 'JUMBLE SALE' 91'





Satu 'Jumble Sale' telah diadakan di Sek. Men. (L) Methodist Sentul tahun ini. Jualan ini adalah dianjurkan oleh gabungan 3 buah Persatuan sekolah iaitu Lembaga Pusat Sumber, Persatuan Pengakap ke 12 Batu dan Bahasa Cina. Senari ahli-ahli jawatankuasa bagi 'Jumble Sale' ini ialah seperti berikut:-


Guru Penasihat	:	En. Athithan
Pengerusi	:	Gan Teck Hooi
Naib Pengerusi	:	Chow Weng Kiat
	:	Lam Wai Khuen
Setiausaha	:	Lim King Sing
Pen. Setiausaha	:	Tan See Jui
Bendahari	:	Chin Siong Yiew
Pen. Bendahari	:	Yong Kok Hing
AJK	:	Lim Sui Ki
	:	V. Thirumaran
	:	Tan Thian Shen
	:	Ng Teck Cheong
	:	Saiful Rizal
	:	Cheong Weng Heong

'Jumble Sale' ini telah diadakan selamat 5 hari iaitu dari 12hb - 16hb Mac bermula dari pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tgh. Sebanyak 20 buah sekolah telah dijemput. Hasil keuntungan yang didapati telah dibahagi rata kepada 4 iaitu kepada 3 persatuan yang terlibat dan juga kepada pihak sekolah.

Akhir kata, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengetua kami iaitu En. A. Atputtharaja kerana membenarkan kami mengadakan 'Jumble Sale' ini di sekolah serta menggunakan kemudahan-kemudahan sekolah. Tidak dilupakan juga kepada Guru Penasihat kami, iaitu En. Athithan di atas nasihat dan dorongan yang diberikan oleh beliau.

Dilaporkan oleh :
TAN SEE JUI
Pen. Setiausaha

TITLE: JUMPA.



LAPORAN KELAB INTERACT



Ahli Jawatankuasa Kelab Interact 1990/1991

Guru Penasihat	:	Pn. Sasikala
	:	Pn. Zarrin
Presiden	:	Looi Kok Wai
N. Presiden	:	Roy Lim
Setiausaha	:	Wong Kok Thong
	:	Low Wan Leong
Pen. Setiausaha	:	S. Saravanan
Bendahari	:	Oon Jin Hsiong
Pen. Bendahari	:	Tan Eng Kee

Pengarah-pengarah :-		
Persefahaman		
Antarabangsa	:	Chan Seng Wai
Perkhidmatan	:	
Kelab	:	Koh Kok Hong
Kebajikan	:	Gan Yap Seng
Kewangan	:	Low Lian Hoe
	:	Low Wai Pun
Notis Kelab	:	Tan Jun Kiat
Ketua Ahli-ahli	:	Tee Wooi Cheong
	:	Chua Kok Sing

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun :-

Pengarah Persefahaman Antarabangsa:

1. Hari Persefahaman Antarabangsa pada 30hb Mac dan Pameran Stem.
2. Hari Permainan.
3. Penyertaan dalam Sahabat Pena Antarabangsa.

Pengarah Servis Kelab :

1. Kutipan derma pada Hari Bendera untuk Kanak-Kanak Cacat Akal.
2. Menghadiri mesyuarat 'Interact District 330' di Johor Baru. Seramai 700 ahli-ahli Interact dari negara Malaysia, Singapura dan Brunei menghadiri mesyuarat tersebut.
3. Menghadiri Latihan Seminar Interact yang diadakan di Sekolah Menengah Convent Sentul pada 13hb Oktober 1991.

Pengarah Kebajikan :

1. Hari Interact yang dilaksanakan pada 10hb Mac untuk membersihkan kelas dan kawasan sekolah.
2. Projek 'Pure Life Society' bertujuan membersih dan mengecat bangunan anak-anak yatim di Puchong.
3. Menjalankan kerja-kerja kebajikan di Wisma Harapan, Brickfields dengan membersih dan mengecat bangunan tersebut.

4. Kelab Interact, PBSM dan Lembaga Pusat Sumber telah bergabung tenaga untuk membeli bendera sekolah yang baru. Bendera tersebut berharga kira-kira $150.00.

Pengarah Notis Kelab :

1. Pertandingan melukis poster yang bertajuk 'Preserve Planet Earth'.
2. Projek Menghiasi Notis Kelab Interact.

Pengarah Kewangan :

1. Penjualan Kad-kad Tahun Baru.
2. Penjualan burger pada Hari Merentas Desa.
3. Lencana kelab yang dijualkan kepada ahli-ahli.

Akhir kata, saya bagi pihak Interact ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada guru-guru penasihat atas tunjuk ajar mereka, tidak lupa juga kepada ahli-ahli yang telah memberi kerjasama untuk menjayakan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan dan kepada Rotary Club of Gombak atas sokongan mereka. Semoga Kelab Interact akan terus berkembang maju bagi tahun-tahun yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

Stanley Tan
Setiausaha



UNIT BIMBINGAN SEKOLAH





Senarai nama ahli-ahli jawatankuasa :

Pengerusi	:	Chin Soon Hin	(4 Sc 1)
N. Pengerusi	:	Tan Tien Wei	(4 Sc 2)
Setiausaha	:	Chin Yoon Sin	(4 Sc 1)
N. Setiausaha	:	Haimahnizan	(4 Pd 2)
Bendahari	:	Ng Zee Chew	(4 Sc 1)

Ketua ketua bahagian :

1.	rkhidmatan kempen-kempen khas dan publisiti	:	Stanley Tan (4 Sc 2), Khoo Tuan Yong (4 Sc 2)
2.	rkhidmatan penyelarasan resos	:	Lim Choon Mun (4 Sc 1)
3.	rkhidmatan Poster, buku skrap dan kuiz	:	Tan See Jui (4 Sc 1)
4.	rkhidmatan maklumat dan kerjaya	:	Lam Wai Khuen (4 Sc 1)
5.	rkhidmatan seni dan penerbitan	:	Mohd. Fazzil (4 Pd 1)
6.	al-ehwal P.R.S.	:	Haimahnizan (4 Pd 2)
7.	rkhidmatan ceramah dan lawatan	:	Oh Keat Gee (4 Sc 1)

Unit Bimbingan Sekolah Menengah (L) Methodist Sentul (U.B.S.) telah bergerak cergas sejak awal tahun lagi. Semua aktiviti yang dilaksanakan telah dapat di jalankan dengan sempurnanya kerana adanya kerjasama daripada ahli-ahli U.B.S. dan guru-guru penasihat terutamanya Puan Helena Foo.

Tujuan unit bimbingan ini selain daripada memberi bimbingan dan memotivasikan pelajar dalam pemilihan kerjaya yang sesuai ialah untuk memberi berbagai pendedahan kepada pelajar dalam aspek-aspek pendidikan, kepimpinan dan lain-lain. Aktiviti unit bimbingan ini di selenggarakan oleh Guru Penasihat iaitu Puan Helena Foo, ahli-ahli jawatankuasa dan ahli-ahli U.B.S.

Di bawah ini adalah aktiviti-aktiviti bagi tahun ini :

Dec 90'	:	Mesyuarat Agung U.B.S.
Jan 91'	:	Kursus Kepimpinan Pengawas sesi pagi
	:	Penyebaran perkhidmatan U.B.S. dan P.R.S. melalui pengumuman semasa perhimpunan, risalah, poster 'outreach' kepada pelajar (terutamanya tingkatan peralihan, satu dan dua)
Feb 91'	:	lawatan ke Universiti Malaya untuk pameran mengenai pelajaran serta kerjaya
	:	Peraduan menulis 'Essay' (anjuran Zon Sentul)
Mac 91'	:	membuat rencana U.B.S. yang pertama kali
	:	Latihan bermula bagi P.R.S. yang baru
	:	Ceramah kerjaya dalam bidang insurans dan angkatan tentera
	:	Lawatan ke pameran 'Education' British Council
	:	Pemilihan ahli jawatankuasa bagi tahun 1991
April 91'	:	Kuiz Teka Kerjaya Saya untuk pelajar tingkatan peralihan ke tingkatan 2
Jun 91'	:	Pertandingan buku skrap dan poster mengenai kerjaya
	:	Majlis Temu Mesra U.B.S.


Bagi pihak ahli jawatankuasa ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan pengetua, penolong kanan dan guru-guru penasihat terutamanya Puan Helena Foo atas dorongan dan tunjuk ajar dalam menjayakan setiap aktiviti serta kepada ahli-ahli U.B.S. yang begitu gigih menjalankan aktiviti-aktiviti.

Sekian, terima kasih.

Setiausaha,
Chin Yoon Sin
(4 Sc 1)

Lelaki dan perempuan itu, setiap satunya merupakan separuh daripada dua benda yang berbeza. Dan mereka dihidupkan untuk mencari yang separuh lagi. (plato)

LAPORAN LEMBAGA KUARTER MASTER



Lembaga ini ditubuhkan untuk menyedarkan para pelajar akan kepentingan menjaga harta benda sekolah, keindahan dan kebersihan sekolah. Berikut adalah senarai ahli-ahli jawatankuasa bagi lembaga kami:

Guru Penasihat	:	Encik Kumaresan	A.J.K	:	Sangkar, Jei Gobi,
	:	Encik Fadzil			Tina Raja, Tharma Kumaran,
Pengerusi	:	Bhupinder Singh	Disiplin	:	Kumaran, Thiagu
N. Pengerusi	:	Mani Raja			Vijayandrian
Setiausaha	:	Ragonath			
Bendahari	:	Noel Hendry Augustine			

Penukaran Imej (10/8/90)
Pada 10 Ogos 1990 Lembaga Kuarter Master telah bertukar imej dari Kelab Kuarter Master kepada Lembaga Kuarter Master. Sempena penukaran ini ahli-ahli Lembaga Kuarter Master dikehendaki memakai uniform iaitu baju berwarna kuning dan kasut berwarna hitam.

Gotong Royong (14/3/90)
Kami telah menjayakan Gotong Royong ini dengan bantuan Kelab Interact, murid-murid dan guru-guru

Majlis Perpisahan (14/4/90)
Untuk Ahli Lembaga Kuarter master Sessi 1989/1990

Sukan Tahunan
Lembaga Kuarter Master telah menjadi pegawai-pegawai khas bagi temasya sukan tahunan dan larian merentas desa bagi tahun 1990.

Bagi mengatasi masalah kekurangan meja dan kerusi, Guru Besar telah membelikan kami satu set pertukangan untuk membaiki kerusi dan meja yang rosak supaya dapat di gunakan semula. Pada tahun ini juga Lembaga kami telah mendapat sebuah bilik sendiri, yang digunakan untuk menyimpan penyapu-penyapu kelas dan peralatan sukan.

Akhir kata, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada En. Kumeresan, En. Balbir, En. Fadzil, Guru Besar dan ahli-ahli lembaga. Saya berharap Lembaga Kuarter Master akan lebih maju pada masa yang akan datang

Sekian, terima kasih

Pengerusi
Bhupinder Singh
(1990/1991)

LAPORAN 1990/91 PERSATUAN BAHASA MALAYSIA



Tujuan utama Persatuan ini ialah untuk melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan dalam meninggikan mutu sebenarnya Bahasa Malaysia di kalangan murid-murid sekolah. Di samping itu juga Persatuan Bahasa Malaysia ini bertujuan untuk meninggikan lagi mutu dan penggunaan Bahasa Malaysia di kalangan murid-murid sekolah untuk masyarakat, bangsa dan negara.

Mesyuarat Agong Tahunan Persatuan Bahasa Malaysia telah diadakan pada 17hb Disember 1990 bertujuan melantik ahli-ahli baru bagi Sesi 1990/91

Ahli Jawatankuasa Persatuan Bahasa Malaysia bagi tahun 1990/91 adalah seperti berikut:

Pengerusi	:	Raja Azmi	(5 Sastera)
Naib Pengerusi	:	Mohd Nazaruddin	(4 Sastera)
Setiausaha	:	Shahrul Kamal	(5 Sastera)
Naib Setiausaha	:	Tajul	(4 Sastera)
Bendahari	:	Hasmaddy	(5 Sastera)
Ahli Jawatankuasa	:	Shahrul Affendy	(5 Sains)
	:	Akmal	(Ting. 4)
	:	Khairul Anuar	(Ting. 3)

Sambutan pelajar-pelajar terhadap Persatuan ini amat menggalakkan dari sesi pagi mahupun sesi petang.

Di antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan dan akan dilaksanakan sepanjang tahun 1990/91 ialah:-

(a) Pertandingan bahas antara kelas-kelas
(b) menyertai pertandingan dikir barat antara sekolah-sekolah
(c) menyertai pertandingan pantun antara sekolah-sekolah WP
(d) Peraduan kuiz antara kelas-kelas untuk pelajar-pelajar 3 dan 4
(e) mengadakan peraduan mengarang, sajak, syair, menulis puisi dan lain-lain

Akhir kata, saya bagi pihak Persatuan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Guru Penasihat Puan Mariatum Kabtiyah dan Puan Zakiah yang telah menjayakan Persatuan Bahasa Malaysia ini.

Agar Persatuan ini terus berkembang

SHAHRUL KAMAL MUHAMAD
Setiausaha

ENGLISH SOCIETY REPORT



The main aim of this society is to create an interest in the usage of English Language among students in the school. To make the above statement a reality, we amke it compulsory for all students to converse only in English during our activities

The newly elected Committee Board for 1991 is as follow:

President	:	B. Kavindran
Vice President	:	Saravanan
Secretary	:	Sivakumar
V. Secretary	:	Steward Gregory Kumar
Treasurer	:	Keshminder Singh
Committee Members	:	Roy Lim, Eswaran, Raja Mohan
Teacher Advisors	:	K. Selvaraja, A Mrs. Sasikala K.M. Nair

Our Society consists of 55 members. We carried out the following activities :

(i) Inter-class Quiz
(ii) Debate
(iii) Speech Contest
(iv) Poetry recital
(v) Extra classes for students taking 1119 English
(vi) Examination Seminar
(vii) General sales during Hari Guru Celebrations
(viii) Drama
(ix) Oral English Campaign
(x) English Language week
(xi) Discussion of suggested topics in class

Lastly, we would like to thank all the members of the English Language Society of MBS Sentul for their cooperation and also our teacher advisors Mr. K. Selvaraja and Mrs. Sasikala K.M. Nair

Saravanan
Vice President

LAPORAN PERSATUAN BAHASA CINA



Ahli Jawatankuasa

Guru Penasihat	:	Pn. Khoo Liang Pin			
	:	Pn. Lai Seow Lin			
Pengerusi	:	Cheah Kee Tian	Ketua Gerakerja	:	Chow Weng Keat
N. Pengerusi	:	Thee Kok Wei	Pen. Gerakerja	:	Law Ti Erh
	:	Gan Teck Hooi		:	Lim Yong Chuan
Setiausaha	:	Ng Teck Cheong	N. Setiausaha	:	Teh Yen How
Bendahari	:	Seah Wi Khean	N. Bendahari	:	On Hai Chuan
Juruaudit	:	Lim King Sing			
K. Bilik Baca	:	Yong Kok Hing	Ketua Hartabenda	:	Lee Hon Loong
Pen. Bilik Baca	:	Ho Kam Fatt		:	Khoo Tuan Yung
A.J.K.	:	Lim Kean Kok, Chan Chien Siang, Tan Thiam Sheen, Chin Shuenn Liang, Loo Kok Weng, Ang Ban Giap.			

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan:-

1. Menjual kad-kad Tahun Baru Cina.
2. Mengadakan pertandingan perbahasan bahasa Cina di antara ahli-ahli
3. Menjual minuman pada hari Larian Merentas Desa dan hari sukan sekolah
4. Menganjurkan pertandingan perbahasan bahasa Cina di antara sekolah-sekolah Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya yang ke 17
5. Menjual majalah persatuan "Heng Yuen" yang ke 6
6. Mengadakan "Jumble Sale" dengan gabungan 3 persatuan
7. Mengadakan pertandingan simpulan bahasa / peribahasa bahasa Cina
8. Merayakan majlis ulangtahun yang ke 7


Aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan:-

1. Menganjurkan pertandingan tulisan kaligrafi di antara sekolah-sekolah Wilayah Persekutuan dan Selangor yang ke 4
2. Mengadakan pertandingan kuiz di antara ahli-ahli
3. Mengadakan satu lawatan
4. Menerbitkan majalah persatuan "Heng Yuan" yang ke 7
5. Mengadakan satu telematch di antara ahli-ahli

Akhirnya, saya bagi persatuan ini ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama guru-guru penasihat kami, ahli-ahli jawatankuasa, ahli-ahli dan juga pihak-pihak lain yang telah memberi sokongan serta bantuan untuk menjayakan dengan lebih cemerlang lagi pada masa yang akan datang.

Ng Teck Cheong
Setiausaha

PERSATUAN BAHASA DAN KEBUDAYAAN TAMIL



"OM NAMASIVAYA"

Tujuan utama persatuan ini adalah untuk mengembangkan kefahaman mengenai kebudayaan serta memperbaiki mutu Bahasa Tamil di kalangan pelajar-pelajar India.

Mesyuarat Agung Tahunan telah diadakan pada awal tahun 1991. Perlantikan ahli-ahli jawatankuasa dan pengambilan ahli-ahli baru seramai 100 orang dilaksanakan.

Guru Penasihat	:	En. Velurajan	Ahli-ahli Jawatankuasa	:	Shanker
	:	En. Selvaraj		:	Vijayendran
	:	En. Rama Rao		:	Thiagu
Pengerusi	:	M. Kumaran		:	T. Gunasealan
Naib Pengerusi	:	Gobi Nambiar		:	S. Chandrasenan
Setiausaha	:	S. Raja Mohan		:	Manirajah
Naib Setiausaha	:	Guna Prakash		:	D. Tharma Kumaran
Bendahari	:	P. Eswaran		:	Sivakumar
Naib Bendahari	:	Paranthaman		:	Selvakumar

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun ini:-


1) Pertandingan menyanyi bagi ahli-ahli
2) Menjual minuman pada hari merentas desa sekolah
3) Pertandingan bolasepak 9 sebelah bagi sesi pagi dan petang
4) Malam Kebudayaan
5) Lawatan ke Pulau Cempedak
6) Majlis meletak jawatan tingkatan 5

Akhir kata, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Guru-guru Penasihat di atas segala bimbingan dan nasihat serta tunjuk ajar mereka bagi menjayakan persatuan ini. Tidak ketinggalan juga ahli-ahli yang telah memberi bantuan untuk menjayakan semua projek dan aktiviti yang telah dijalankan. Diharap semoga ahli-ahli jawatankuasa yang baru berusaha untuk memajukan persatuan ini

Yang Menjalankan tugas,

S. Raja Mohan

LAPORAN PERSATUAN GEOGRAFI



Berikut adalah senarai AJK 1991 bagi sessi pagi

Guru Penasihat	:	Puan Armanjit Kaur
Presiden	:	Khoo King Low
N/Presiden	:	Tajul Ariffin
Bendahari	:	Poon Kean Hin
Setiausaha	:	Ade Irawan
AJK	:	Abdul Halim, Suhaimi Rahmat, Shahril Azman, Norashid, Mohd Jeffri, Yeap Cheng Siong, Gary Onn, Low Wan Leong

Mesyuarat agung telah diadakan pada 22/2/1991. Pemilihan N/Presiden, Setiausaha, AJK untuk sessi pagi.

Aktiviti-aktiviti

1) Pertandingan kuiz persatuan geografi sebelum menjelang minggu sastera.
2) Pembicangan mengenai alam sekitar
3) Lawatan akhir tahun ke FRIM


Akhir kata saya bagi pihak persatuan ini mengucapkan terima kasih kepada guru kami di atas tunjuk ajar serta dorongan dan sokongan beliau kepada kami untuk menjayakan persatuan ini.

Semoga persatuan ini akan terus berjaya.

Sekian terima kasih.

Ade Irawan
Setiausaha

PERSATUAN PERDAGANGAN



Berikut adalah senarai nama Ahli Jawatankuasa 1990/91

Pengerusi	:	Mohamad Fazil	(5 Pd 2)
N. Pengerusi	:	Mohamad Jufri	(4 A 1)
Setiausaha	:	Mohamad Suhaimi	(5 A 1)
N. Setiausaha	:	S. Gunasegaran	(4 Pd 1
Bendahari	:	Maniraja	(5 Pd 2)
N. Bendahari	:	Surjith	(4 Pd 1)
AJK	:	V. Tinabalamurugan	(5 A 1)
	:	Eswaran	(5 Pd 2)
	:	Raja Mohan	(5 Pd 1)
	:	Tajul	(4 A 1)
	:	Ganesan	(4 Pd 1)
Guru Penasihat	:	Puan Yee Kok Seong	
	:	Encik Su Too Fong	

Diantara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan ialah:-

a) Melawat bank.
b) Pertandingan bola.
c) Melawat MAS
d) Kuiz diantara kelas-kelas
e) Majlis perpisahan

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat, Puan Yee dan Encik Su kerana memberi nasihat serta dorongan untuk menjayakan persatuan ini. Adalah menjadi harapan saya agar persatuan ini akan kekal dan lebih aktif dimasa akan datang.

Sekian terima kasih

Mohamad Fazil
Pengerusi

KELAB SENI LUKIS



Senarai nama ahli-ahli jawatankuasa :

Pengerusi	:	Onn Jin Hshiong	(5 Sc 1)
Naib Pengerusi	:	Leong Wei Khang	(5 Sc 2)
Setiausaha	:	Chin Yoon Tze	(5 Sc 1)
P. Setiausaha	:	Chin Yoon Sin	(4 Sc 1)
Bendahari	:	Law Wan Leong	(5 Sc 2)
P. Bendahari	:	Chan Chien Siang	(4 Pd 1)
AJK	:	Chin Soon Hin	(4 Sc 1)
	:	Tan Tien Wei	(4 Sc 2)
Guru Penasihat	:	Encik Yam	

Matlamat utama kelab ini ialah ingin memupuk semangat kepada pelajar-pelajar dan ahli-ahli kelab ini supaya berminat dalam bidang seni lukis ini.

Antara adalah rancangan tahunan kami :

1. Mengadakan satu pertandingan melukis
2. Ceramah tentang bidang ini
3. Lawatan ke pameran lukisan

Akhir kata, saya bagi pihak kelab ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat iaitu Encik Yam atas nasihat serta bimbingan beliau bagi menjayakan kelab ini. Semoga murid akan tetap memberi sokongan untuk memajukan kelab ini masa akan datang.

Terima kasih

Chin Yoon Sin
(4 Sc 1)
P. Setiausaha

PERSATUAN SEJARAH



Berikut adalah senarai nama Ahli Jawatankuasa 90/91

Pengerusi	:	Salman B. Shahkri	N. Pengerusi	:	Tajul B. Sirun
Setiausaha	:	Yuslie B. Yussof	N. Setiausaha	:	Haeilnizan B. Md. Hashim
Bendahari	:	Md. Hanif Abd. Malik	N. Bendahari	:	Dev Anand.
A.J.K.	:	Raja Mohan	Wan Saiful Azwa		
		Norasyid	Nazammudin		
		Muthu Krishnan	On Hai Chuan		

Guru Penasihat : Puan Wan Bahiah Wan Nik
Puan Rohani Ibrahim

AKTIVITI *

(1) Mengadakan Pameran Alat-alat Tradisional
(2) Mengadakan Kuiz tentang sejarah Melayu
(3) Menjual kad-kad Hari Raya anjuran Persatuan Sejarah
(4) Mengedar nota-nota Sejarah kepada Ting. 4 dan 5
(5) Membuat graf analisa dan peratus bagi peperiksaan SRP dan SPM bagi tahun 1989 dan 1990


Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada guru-guru penasihat yang telah memberi tunjuk ajar serta dorongan dan sokongan beliau kepada kami dan tidak lupa kepada ahli-ahli persatuan yang telah bekerjasama dan menjaga nama baik dan imej persatuan ini.

Semoga persatuan ini akan terus berjaya.

Sekian terima kasih

YUSLIE YUSOF
(Setiausaha)

LAPORAN KELAB DRAMA



Pengerusi	:	Faizul Isma B. Yusof	(5 Sains 2)
N. Pengerusi	:	Mohd Nazaruddin b. Tajuddin	(4 Sastera 1)
Setiausaha	:	Mohd Lokman b. Zaimin	(5 Sains 2)
N. Setiausaha	:	Mohd Izham b. Nooh Tajudin	(3 SP 1)
Bendahari	:	Shamsul Baharill b. Borhani	(5 Perd 2)
N. Bendahari	:	Kamarulzaman b. Abdullah	(4 Perd 2)
AJK-AJK	:	Ishak b. Hussain	(5 Perd 1)
	:	Nik Nasaruddin b. Nik Muhammad	(5 Perd 1)
	:	Safrizal b. Abdul Lattif	(5 Perd 1)
	:	Augestin Yee Hing	(5 Perd 1)
	:	Kamarulazmi b. Kamaruddin	(5 Sastera 2)
	:	Asmaddy b. Mat Sani	(5 Sastera 2)
Guru Penasihat	:	En. Zainuddin Amran	
	:	Hajjah Siti Aisyah	


Selamat sejahtera. Kemunculan Kelab Drama pada tahun ini adalah dengan imej yang baru iaitu lebih aktif, menarik dan canggih. Ia diakui sendiri oleh guru-guru di sekolah ini. Banyak aktiviti telah dijalankan seperti:-

1. Mesyuarat agong sesi 1991
2. Menyertai dan menjayakan Minggu Sastera
   - Mempersembahkan pertunjukan fesyen, drama Hang Tuah dan pertunjukan adat istiadat perkahwinan Melayu
3. Menyertai pesta pantuan sekolah, (memenangi tempat pertama).
4. Membantu persatuan-persatuan lain dengan menyumbang beberapa persembahan di majlis tahunan mereka
   - Persatuan yang di maksudkan ialah Persatuan Bulan Sabit Merah, Lembaga Pengawas sekolah dan perpustakaan
5. Membuat pertunjukan di Hari Guru

Akhir kata kami ingin mengucapkan ribuan terima kaish kepada semua pihak kerana telah memberi kepercayaan kepada kami untuk menjayakan kelab ini. Sekian terima kasih

Mohd Lokman Zaimin
Setiausaha

LAPORAN PERSATUAN SAINS DAN MATEMATIK S. M. (L) METHODIST SENTUL, 1991



Presiden	:	**Wong Kok Thong**
Naib Presiden	:	Lee Keow Sin
Setiausaha	:	Low Wan Leong
Naib Setiausaha	:	Lim Boon Leong
Bendahari	:	Yap Keng Teck
Naib Bendahari	:	Lim Chee Wah
Ahli Jawatankuasa	:	Tan Weng Cheong
	:	Oon Jin Hsiong
	:	Yong Chee Wai
	:	Khoo Wee Keong
	:	Kamarulnizam
Guru Penasihat	:	Puan Low
	:	Puan Zarrin

Persatuan Sains dan Matematik telah mengadakan mesyuarat agungnya pada 19hb Disember, 1990 dan telah memilih ahli-ahli jawatankuasa seperti di atas. Buat masa kini, kami mempunyai kira-kira 50 orang ahli.


Sepanjang tahun ini, kami telah menjalankan aktiviti-aktiviti:

1. Pertandingan Kuiz antara ahli-ahli
2. Lawatan sambil belajar ke Universiti Teknologi Malaysia
3. Ceramah Kejuruteraan Kimia
4. Pameran Sains sempena Minggu Sains
5. Pertandingan Matematik Piala Hua Lo-Keng
6. Penjualan lencana

Kami bagi pihak persatuan mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli-ahli dan guru penasihat ke atas sokongan serta kerjasama yang telah dicurahkan dan tanpa mereka, sudah tentu cita-cita kami tidak tercapai. Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan tugas,
Low Wan Leong
Setiausaha

LAPORAN PERBADIS 1991



Persatuan Agama Islam Sek. Men. (L) Methodist Sentul Kuala Lumpur.

Guru Penasihat	:	Ustaz Zawawi, Ustaz Emran, Ustaz Mohd Arif
	:	Ustazah Kalsom, Ustazah Salwani
Pengerusi	:	Hasmaddy Bin Haji Hashim
Timbalan	:	Muhammad Badri Bin Mukhtar
Setiausaha	:	Irsyad Sidi
Timbalan	:	Ahmad Ridzhuan
Bendahari	:	Mohd Abdul Halim
Timbalan	:	Khairul Azam
AJK Khas	:	Mohd. Burhanuddin, Mohd. Nazri, Kassim, Mohd. Bahar, Mohd. Shahril, Wan Ahmad Nazron, Mohd. Zaini
AJK Kebajikan	:	Mohd Fadzli
AJK Pendidikan	:	Shahrul Efendy
AJK Penerangan	:	Khairul Shamsul
AJK Perubatan	:	Mohd. Suhaimi

Assalamualaikum w.b.r,

Pada tahun ini, PERBADIS telah melancarkan dua buah majlis yang akan membantu melicinkan lagi pergerakan persatuan ini. Majlis-majlis tersebut ialah :

- Majlis Pembangunan Dan Ekonomi (MAPDE)
- Majlis Keselamatan (MASEP)

PERBADIS cuba untuk membantu pelajar Islam dengan bantuan khas seperti

- Bantuan Perubatan
- Bantuan Pelajaran
- Bantuan Biasiswa dan Hadiah

* Ini semua terkandung di dalam Projek "PERBADIS EMAS"

BULAN		AKTIVITI-AKTIVITI
1/91	-	Mesyuarat Agung dan penyusunan pentadbiran 1991/1992
1/91	-	Ceramah Isra' dan Mikraj
2/91	-	Berniaga di Stadium Merdeka (Perbadis Merdeka)
3/91	-	Ceramah Agama (Persiapan Menyambut Ramadhan)
3/91	-	Berniaga dibulan puasa (Perbadis Raya)
3/91	-	Pertandingan Kuiz, Syarahan, Al-Quran, Khat dan Azan Peringkat Sekolah
3/91	-	Minggu Nilai-Nilai Murni i) Ceramah, Pameran, Kuiz ii) Syarahan, Bacaan Al-Quran/Hadis
3/91	-	Pelancaran 'Perbadis Emas'
3/91	-	Majlis Berbuka Puasa
4/91	-	Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri
5/91	-	Pertandingan Al-Quran dan Hafaz Zon Sentul
6/91	-	Pertandingan Azan dan Kuiz Agama Zon Sentul
7/91	-	Sambutan Maal Hijrah Peringkat Sekolah
7/91	-	Persidangan Mahasiswa dan Cabaran Dekad 90an. Anjuran Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM).
8/91	-	Qiamullail
10/91	-	Maulidur Rasul

Segala aktiviti yang dianjurkan telah mendapat sambutan daripada semua pelajar-pelajar Islam. Keputusan pertandingan bacaan Al-Quran dan Hafaz Peringkat Zon Sentul:-

-	Mohd. Fairuz	-	Juara Al-Quran
-	Mohd. Jamal	-	Juara Hafaz

*M.B.S. berjaya mengekalkan penguasaannya didalam Peringkat Zon Sentul.

Dalam Peringkat Wilayah:

-	Mohd. Fairuz	-	Nombor 4
-	Mohd. Jamal	-	Nombor 4

Semoga pada tahun-tahun yang berikutnya PERBADIS akan lebih aktif dan terus maju. Allahuakbar.....! Allahuakbar.....! Allahuakbar.....! Pihak A.J.K. 1991/1992 memohon ampun dan maaf jika terkasar bahasa dan tindakan.

- Wassalamualaikum w.b.r -

Setiausaha
Irsyad Sidi

LAPORAN PERSATUAN AGAMA BUDDHA



Ahli Jawatankuasa

Guru Penasihat	:	Puan Hwang Boon Yong
Pengerusi	:	Thee Kok Wei
Setiausaha	:	Seah Wei Khean
Bendahari	:	Ng Teck Cheong
Ketua Gerakerja	:	Lim King Sing
AJK	:	Chin Shuenn Liong, Wong Chee Chung, Tan Poo Huat, Lee Kok Leong, Lim Tji Seng, Kat How Yee

Mesyuarat agong persatuan kami telah diadakan pada bulan Mac tahun 1991. Perlantikan ahli-ahli jawatankuasa dan pengambilan ahli-ahli seramai 50 orang dilaksanakan.

Diantara aktiviti yang dijalankan:-


1. Ceramah Dhammar
2. Nyanyian Lagu Ajaran Buddha
3. Pertandingan Syarahan Agama Buddha
4. Pertandingan Sukaneka
5. Pertandingan Laporan Membaca Buku Agama Buddha
6. Lawatan ke Negeri Melaka
7. Lawatan ke Tokong Kuan Yin, Petaling Jaya
8. Lawatan ke Rumah anak yatim
9. Telematch

Akhir kata, saya bagi pihak persatuan kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada Guru Penasihat yang telah memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada kami. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli yang telah banyak memberi sokongan untuk menjayakan aktiviti-aktiviti persatuan kami. Kami berharap persatuan kami akan mencapai kejayaan yang cemerlang dalam masa depan.

SADHU ! SADHU !

SEAH WEI KHEAN
Setiausaha

CHRISTIAN FELLOWSHIP REPORT OF S.M. (L) METHODIST SENTUL, 1991



President	:	Lawrence Wong Kok Thong
Vice President	:	Anthony Lim
Secretary	:	Roy Lim
Vice Secretary	:	Yong Kok Wai
Treasurer	:	Foong Poh Yong
Vice Treasurer	:	Kelvin Ong
Publicity	:	Tan Coon Chow
Vice Publicity	:	Khoo Wee Ming
Committee	:	Brian Alberto
	:	Alvin Low
	:	Ong Chen Guan
	:	Ang Ban Guan
Teacher Advisor	:	Cik Mary Raj

Ever since the establishment of the Christian Fellowship, the main objective of this blessed society is 'To Know Christ And Make Him Known'


Presently, our Christian Fellowship comprises about 50 members, both from the morning and afternoon session. Throughout this year, many activities had taken place such as:

1. Inter-school meetings
2. Invitation of speakers: Pastor Yee, Pastor Jerry
3. Combined inter-school meeting with S.M. (P) Air Panas, S.M. (P) Convent Sentul, S.M.T. Setapak
4. Bible sharing and games
5. Newsletter
6. Combined Christmast presentation

We sincerely convey our thanks and gratitude to all the speakers for their message. We also thank our teacher advisor, Miss Mary Raj for her utmost support and encouragement. Last but not the least, we thank our members, the Principal and others for keeping this society alive all these years.

Yours in Christ,
LAWRENCE WONG
President

PERSATUAN SIKH



Mesyuarat agung persatuan kami telah diadakan pada 16hb Jan 1991. Pada mesyuarat ini ahli-ahli jawatankuasa persatuan telah dilantik untuk mengawal dan menyelenggarakan aktiviti-aktiviti persatuan ini. Persatuan ini dikendalikan oleh 8 orang ahli jawatankuasa dan dibantu oleh seorang guru penasihat.

AJK Persatuan Sikh bagi tahun 1991 adalah seperti berikut:-

Pengerusi	:	Keshmindar Singh
N. Pengerusi	:	Updesh Singh
Setiausaha	:	Bhupinder Singh
N. Setiausaha	:	Kashvinder Singh
Bendahari	:	Prithipal Singh
N. Bendahari	:	Keshimder Singh
A.J.K.	:	Amrit Singh
	:	Baljeet Singh
Guru Penasihat	:	Encik Ragbir Singh

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun ini adalah:-


1. Mengadakan mesyuarat agung pada 16hb Jan untuk melantik ahli jawatankuasa baru dan pengambilan ahli-ahli baru.
2. Mengadakan pertandingan Kuiz diantara ahli-ahli persatuan untuk menguji kecekapan dan kepintaran ahli-ahli
3. Telah menganjurkan pertandingan bolasepak (9 sebelah) semasa cuti penggal pertama
4. Sempena menyambut perayaan 'Hari Vaisakhi', persatuan kami telah mengadakan suatu majlis keramaian yang telah dihadiri oleh kesemua persatuan Sikh, sekolah-sekolah di Kuala Lumpur.
5. Mengadakan peraduan menulis esei mengenai sejarah kaum Sikh untuk meningkatkan lagi pengetahuan ahli-ahli mengenai sejarah kaum Sikh.

Akhir sekali saya bagi pihak persatuan ini ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Guru Besar, guru penasihat iaitu En. Ragbir Singh dan juga tidak dilupakan ahli-ahli persatuan ini yang memberikan sumbangan dan bantuan mereka demi untuk menjayakan persatuan ini.

"Vaheguru Ji Ka Khalsa, Vaheguru Ji Ki Fateh"

Yang Menjalankan tugas
Updesh Sing
(5 Science 1)

LAPORAN PASUKAN BADMINTON (BAWAH 18 TAHUN)



Guru Penasihat	:	En. Mohd. Noh	
	:	En. M. Krishna	
	:	En. Kok	
Nama-nama ahli	:	Lye Soon Kia	(Ketua)
	:	Su Chin Chai	
	:	Yew Chee Kuan	(Setiausaha)
	:	D. Sunder	
	:	Lye Soon Wen	

Aktiviti-aktiviti

1) Latihan pusat diadakan 3 kali seminggu
2) Menyertai pertandingan badminton berpasukan Zon Sentul
3) Menyertai pertandingan badminton individu Zon Sentul di Dewan Serbaguna Bandaraya, Jalan Tun Razak
4) Mengadakan pertandingan badminton tertutup MBS Sentul

Di acara individu - pasukan badminton telah menghantar wakilnya, dibawah 18 tahun dan dibawah 15 tahun. Di acara ini hanya D. Sunder berjaya mewakili Zon Sentul ke MSSWP. Walau bagaimanapun D. Sunder hanya berjaya ke pusingan ke dua sahaja.

Di acara berpasukan - bawah 18 tahun berjaya ke peringkat separuh akhir dengan mengalahkan Sekolah Men. Chong Hwa Jalan Gombak (3-2), mengalahkan Sek. Men. Indonesia (5-0) dan tewas di separuh akhir kepada Sek. Men. Sri Titiwangsa.

Bawah 15 tahun - berjaya mengalahkan Sekolah Indonesia (4-1) dan tewas kepada Sek. Raja Abdullah (1-4)

Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. Mohd. Noh dan En. M. Krishna atas sokongan dan nasihat mereka, juga diharapkan pada masa yang akan datang, pasukan sekolah kita akan mencatatkan kejayaan yang lebih cemerlang lagi. Akhir kata "Majulah Sukan Untuk Sekolah"

"ORA ET LABORA"

STEVEN YEW CHEE KUAN
(Setiausaha)

LAPORAN KELAB/PASUKAN PING PONG 1991



Guru Penasihat	:	En. Cheang King Ting
	:	En. Twoh Kwan Swee
Pengerusi	:	Abdul Halim
Pen. Pengerusi	:	Loh Chee Hong
Setiausaha	:	Zamharin
Pen. Setiausaha	:	Ng Boon Kiat
Bendahari	:	Poon Kean Hin
AJK	:	i) Phang Kong Swan
		ii) Chein Siang
		iii) Chee Wai

Pasukan Bawah 20 tahun

1. Poon Kean Hin (Captain)
2. Phang Chin Chai
3. Kenneth Lim Say Kean
4. Yap Siong Lim
5. Wong Wee Keong
6. Su Chin Chai

Pasukan Bawah 20 tahun (Bukan Cina)

1. R. Azimi
2. Abdul Halim
3. Zamharin
4. Mohd Abdul Halim
5. El Fitri

Pada bulan Januari satu perjumpaan ahli telah diadakan. Keahliannya seramai 50 orang. Aktviti-aktiviti dijalankan pada tiap-tiap hari Selasa dan Jumaat.

Dalam pertandingan Zon Sentul pada 25hb Januari 1991 yang diadakan di Sekolah La Salleh. Pasukan Bukan Cina sekolah kita telah menunjukkan prestasi yang baik. Keputusan Ping Pong Zon Sentul.

M.B.S.	Lwn	Sek. Kepong Baru	menang	3 - 0
M.B.S.	Lwn	Sek. La Salleh	menang	3 - 0
M.B.S.	Lwn	Sek. Titiwangsa	menang	3 - 1

Pasukan Bukan Cina telah muncul sebagai Johan Zon Sentul dan dua pemain sekolah kita juga telah menjadi Johan dan naib Johan dalam acara individu. Manakala pasukan bawah 20 tahun (Cina) tewas.

Dalam peringkat Wilayah pada 29hb. Feb. 1991 Sekolah telah mengambil bahagian tetapi tewas.

Akhir kata saya bagi pihak bagi pasukan/kelab mengucapkan ribuan terima kasih kepada Cikgu Chean dan terutamanya kepada Cikgu Saiful yang mengajr kami. Saya juga berharap agar pada masa yang akan datang pasukan Ping Pong sekolah kita akan berjaya juga.

Zamharin
Setiausaha

LAPORAN PASUKAN SEPAK TAKRAW



Nama pemain bawah 18 tahun:

1. R. Azimi Razali (Ketua Pasukan)
2. Azmuddin
3. Mohd Fadzel
4. Mohd Zaiham
5. Mohd Yusri
6. Azizul
7. Abdul Hanif
8. Mohd Kamal
9. Ahmad Bahar
10. Eyzat Mustapha
11. Mafiz
12. Mohd Shariel
13. Zaidi

Nama pemain bawah 15 tahun:

1. Md Fadil
2. Md Nizam
3. Md Suhaimi
4. Mior Nor Shamsul
5. Md Syah
6. Md Elfitri
7. Shahrizal
8. Ahmad Nizam
9. Zaidi
10. Arjuna
11. Heiry

Pasukan sepak takraw sekolah kita telah berjaya menjadi Naib Johan di bawah 18 tahun dan tempat ke tiga bawah 15 tahun dalam pertandingan sepak takraw sekolah sekolah peringkat Zon Sentul. Sekolah kita telah berjaya mengalahkan sekolah sekolah berikut:-

Bawah 18 tahun

MBS	2 - 0	SM Sri Titiwangsa
MBS	2 - 0	SM Raja Ali
MBS	2 - 1	SM Maxwell (separuh akhir)
MBS	0 - 2	SM Raja Abdullah

Bawah 15 tahun

MBS	2 - 1	SM Sri Titiwangsa
MBS	1 - 2	SM La Salle Sentul
MBS	0 - 3	SM Maxwell
MBS	2 - 1	SM Raja Abdullah (menentukan tempat ke tiga/ke empat)

Sekolah kita tidak dapat menghantar pasukan ke peringkat Wilayah Persekutuan kerana sebab-sebab yang tidak dapat di elakkan.

Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. Shariel yang banyak membantu dan memimpin kami dan Puan Rohani yang memberi kata semangat kepada kami.

'MAJULAH SUKAN SEPAK TAKRAW SEKOLAH'

R. AZIMI RAZALI
(Ketua Pasukan)

KELAB RENANG



Senarai nama ahli-ahli jawatankuasa:

Pengerusi	:	Lim Sui Ki	(4 Sc 2)
Naib Pengerusi	:	Ng Wei Ann	(4 Pd 1)
Setiausaha	:	Chin Yoon Sin	(4 Sc 1)
Naib Setiausaha	:	Lim Kean Kok	(4 Sc 2)
Bendahari	:	Ong Jin Hshiong	(5 Sc 1)
Naib Bendahari	:	Lee Chee Hung	(4 Pd 1)
AJK	:	Lee Keow Sin	(4 Sc 2)
		Ng Wee Soon	(3 Pd 5)
		Leong Kim Hoong	(4 Pd 1)
		Nagarajan	(4 Pd 1)
Guru Penasihat	:	Encik Su Too Fong	

Kelab ini telah bergiat lebih cergas sejak kebelakangan ini. Objektif utama kelab ini ialah memberi peluang kepada ahli-ahli untuk belajar dan membuat latihan berenang.

Pada tahun ini, yuran bagi setiap ahli ialah $2.00 dalam setahun. Latihan berenang juga telah dijalankan sejak bulan Mac. Latihan ini dijalankan setiap hari Isnin di Kolam Renang Chin Woo pada pukul 3.00 petang. Bayaran sebanyak $1.00 untuk setiap kali latihan diadakan.

Akhir kata bagi pihak kelab ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat, Encik Su Too Fong atas dorongan dan tunjuk ajar beliau yang di berikan.

Terima Kasih.

Chin Yoon Sin
(4 Sc 1)
Setiausaha

LAPORAN PASUKAN BOLA TAMPAR



Guru Penasihat : Encik Zainuddin Amran
: Encik Choo Chee Seng

Pemain-pemain Bawah 18 tahun :

Tan Wee Teck (Ketua)
Tay Kean Ming
Chin Shuenn Wen
Chan Seng Wai
Ng Wee Soon
Lim Chung Shing
Tan Chee Khoon
Lee Heng Fook
Lim Yang Chuan
Lye Soon Wen
Yu Tien Kee
Chin Shuenn Liang

Aktiviti-aktiviti:-

Tahun 1991 merupakan tahun yang agak sederhana bagi pasukan bola tampar sekolah. Sebelum pertandingan bola tampar MSSWP Zon Sentul bermula, kami telah menyertai suatu pertandingan Bawah 17 tahun yang melibatkan sekolah-sekolah di seluruh Wilayah Persekutuan. Dalam pertandingan itu kami berjaya memasuki peringkat separuh akhir.

Dalam pertandingan Zon Sentul pula, pasukan bawah 18 tahun dan pasukan bawah 15 tahun masing-masing telah berjaya memasuki peringkat separuh akhir.

Saya sebagai setiausaha pasukan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Zainuddin Amran dan Encik Choo Chee Seng di atas segala tunjuk ajar dan dorongan yang telah mereka berikan. Seterusnya diharapkan pasukan bola tampar akan meningkatkan prestasi mereka untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada tahun-tahun yang akan datang.

Setiausaha Pasukan
Chan Seng Wai

LAPORAN PASUKAN DAN PERSATUAN LUMBA BASIKAL



Guru Penasihat	:	En. Balbir		
	:	En. Su		
Presiden	:	Terrence Lim Choon Mun		
Naib Presiden	:	Haimahnizam b. Mokthar (Bhg. Projek)		
	:	Oh Keat Gee (Bhg. Ekspedisi)		
Pengarah Keselamatan	:	Khoo Tuan Yung		
Perhubungan Awam	:	Daniel Lim		
	:	Tan Poh Huat	AJK:	Lee Hon Loong
Setiausaha	:	David Tan Chee Khoon	:	Mohd. Nazri
Pen. Setiausaha	:	Ho Kam Fatt	:	Cheong Weng Hoong
Bendahari	:	Chin Soon Hin	:	Pua Eu Kok
Pen. Bendahari	:	Ng Chin Teong		

Persatuan ini merupakan persatuan yang baru ditubuhkan tahun ini di atas dorongan En. Balbir dan En. Su. Ahli persatuan ini adalah seramai 40 orang. Ia merupakan satu cawangan pertubuhan dari MSN (Majlis Sukan Negara) dan PLBWP (Persatuan Lumba Basikal W.P). Matlamatnya ialah untuk memajukan sukan sekolah terutamanya dalam bidang lumba basikal. Pasukan Lumba Basikal yang telah dipilih ialah Lim Choon Mun (Pengurus), Chin Soon Hin, Tan Chee Khoo (Kapten), Wong Mun Kheong, Haimahnizam, Ho Kam Fatt, Kueh Choon Wai, Saiful Azmi.

Aktiviti-aktiviti sepanjang tahun:

1. Latihan fizikal dan basikal di adakan.
2. Pemilihan Pasukan Lumba Basikal bagi mewakili sekolah
3. Pengembaraan basikal ke Rawang pada bulan Mei
4. Perlumbaan antara ahli-ahli dan latihan gynasium diadakan pada bulan Julai
5. Pengembaraan basikal ke Bukit Fraser pada bulan Ogos.
6. Menjual buah-buahan pada HARI GURU
7. Menyertai berbagai perlumbaan sepanjang tahun: Shah Alam (Mac), Penang (28 Julai), Kedah (4 Ogos). Antara sekolah di Kelang (20 Ogos), Kuantan dan Johor Bahru (selepas September)

Selain itu, seorang ahli kami iaitu Wong Mun Kheong telah mendapat tempat ke-empat semasa perlumbaan di Shah Alam. Dia telah mengatasi pelumba kebangsaan M. Kumaresan yang dapat tempat ke lima. Dia juga telah dipilih untuk mewakili MALAYSIA diperingkat kebangsaan. Ia merupakan suatu kejayaan yang amat membanggakan sekolah kita.

Akhir kata kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. Balbir dan En. Su diatas sokongan dan nasihat mereka; juga diharapkan pada masa yang akan datang, persatuan ini akan mencatitkan kejayaan yang lebih cemerlang.

David Tan Chee Khoon
(Setiausaha)

KELAB TAEKWANDO



		Guru Penasihat	:	En. Su Too Fong		
		Jurulatih	:	En. Wong Siew Pang		
Pengerusi	:	Low Wai Pun		N. Pengerusi	:	Tan Chee Khoon
Setiausaha	:	Melwin Goh Fu Min		N. Setiausaha	:	Chua Kok Sing
Bendahari	:	Lim Kean Kok		N. Bendahari	:	Chester Chiew
A.J.K.	:	Low Chee Meng				
		Hoh Choon Kit				

Kelab ini telah ditubuhkan sejak lebih kurang tujuh tahun yang lalu. Pada masa ini ia dianggotai oleh lebih kurang tiga puluh orang ahli. Tujuan kelab ini ditubuhkan adalah untuk memupuk perasaan bersopan santun, berdisplin, tabah, dapat mengawal diri dan juga semangat tidak putus asa di kalangan ahlinya.

Di antara aktiviti-aktiviti yang kami jalankan pada tahun ini ialah mengadakan kempen memperbanyakkan ahli, membuat demontrasi pada hari guru dan menganjurkan satu pertandingan persahabatan. Pada 18 May 1991, dua orang wakil kami telah dihantar ke majlis perjumpaan Taekwando yang diadakan oleh Sekolah Convent Bukit Nanas.

Pada tahun ini juga, kami akan menyertai satu kejohanan Taekwando Majlis Sukan-Sukan Wilayah Persekutuan (MSSWP). Sebagai persediaan untuk menghadapi kejohanan yang amat besar ini, ahli-ahli yang berminat telah menjalani satu latihan pusat di Sekolah Rendah Batu (L). Latihan ini diadakan setiap hari Isnin hingga Khamis.

Saya sebagai wakil ahli kelab ini mengucapkan ribuan terima kaish kepada En. Su Too Fong dan En. Wong Siew Pang yang telah memberi tunjuk ajar dan galakan kepada kami. Semoga pada tahun-tahun akan datang kelab ini akan terus maju ke hadapan.

"MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA"

Disediakan oleh

Melwin Goh Fu Min
Setiausaha

KELAB CATUR



Ahli-Ahli Jawatankuasa 1991/1992

Pengerusi	:	Chin Yoon Sin
N. Pengerusi	:	Au Choon Hoe
Setiausaha	:	Tan Tien Wei
N. Setiausaha	:	Siva Prakash
Bendahari	:	Lee Hon Leon
N. Bendahari	:	Melvin Goh
AJK	:	Ng Zee Chew
	:	Kamarul

Tay Choon Ang
Looi Hon Leong

AKTIVITI-AKTIVITI:-

1) Kelab Catur kini mempunyai kira-kira 25 orang. Bagi mempertingkat prestasi ahli-ahli kami mengadakan latihan setiap hari Khamis dan Jumaat

2) Pada pertandingan Zon Sentul yang lalu Leong Wey Kng dan Au Choon Hoe telah mendapat tempat pertama dan kedua masing-masing. Peserta Leong Wey Kang telah dipilih untuk bermain dalam MSSWP.

3) Sebagai penutup saya ingin mengucapkan terima kasih keatas kerjasama ahli-ahli. Tidak dilupakan juga kepada Pn. Lau Chong Kong yang telah banyak memberi panduan kepada kami.

Sekian terima kasih

Yang Menjalankan Tugas
TAN TIEN WEI
Setiausaha

LAAN PASUKAN HOKI



Pemain dibawah 18 tahun

1.	Keshminder Singh (Ketua Pasu	8.	Bhupinder	15.	Hassan
2.	Shankar (Penolong Ketua Pasu	9.	Kumaran	16.	Akbar Khan
3.	Keshvinder Singh	10.	Azmuddin	17.	Sivakumar
4.	Gurcharan Singh	11.	Nurul Ain	18.	Guna
5.	Updesh Singh	12.	Sharul	19.	Partiban
6.	Baljit Singh	13.	Eswaran	20.	Vijayan
7.	Prithipal Singh	14.	Jei Gobi		

Pengurus Teknik	:	Dev An	
Guru Penasihat	:	En. Balbingh Gill	(bawah 18 tahun)
	:	En. Saiful	(bawah 18 tahun)
	:	En. Mansor	(bawah 15 tahun)

Pasukan Hoki Sekolah telah menunjukkan semangat kesukanan dan prestasi yang cemerlang pada tahun ini. Pasukan dibawah 15 tahun kurang berjaya baik dan tidak berjaya mewakili Zon Sentul untuk pertandingan peringkat Wilayah Persekutuan. Pasukan di dibawah 18 tahun telah sekali lagi menjadi Johan Zon Sentul (MSSWP) untuk kali ke 5 berturut-turt sejak tahun 1987. Pasukan ini telah mewakili Zon Sentul untuk bertanding di peringkat Wilayah Persekutuan. Pasukan Hoki dibawah 18 tahun juga telah menghantar dua pasukan untuk mengambil bahagian didalam pertandingan sebelah diantara Sekolah-sekolah di Wilayah Persekutuan yang telah dianjurkan oleh Persatuan Hoki Wilayah Persekutuan. Di dalam pertandingan ini kedua-dua pasukan kami telah bertemu di dalam perlawanan akhir dan muncul sebagai Johan dan Naib Johan di dalam pertandingan itu.

Keputusan pertandingan di bawah 18 tahun (Zon Sentul)

M.B.S.S.	menang	S.M. Raja Ali	(6 - 0)
M.B.S.S.	menang	S.M. Raja Abdullah	(1 - 0)
Separuh Akhir			
M.B.S.S.	menang	S.M. La Salle Sentul	(2 - 1)
Akhir			
M.B.S.S.	menang	S.M. Raja Abdullah	(4 - 0)
Peringkat Wilayah Persekutuan			
M.B.S.S.	kalah	R.M.C.	(0 - 3)
M.B.S.S.	menang	S.M. Tinggi Setapak	(2 - 0)
M.B.S.S.	seri	S.M. Jalan Cochrane	(1 - 1)

Pasukan M.B.S.S. tidak berjaya ke peringkat separuh akhir Wilayah Persekutuan kerana perbezaan jaringan sebanyak satu gol kepada S.M. Jalan Cochrane.

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada En. Balbir Singh Gill, En. Saiful dan En. Mansor di atas pimpinan mereka untuk membentuk satu pasukan yang berprestasi

Keshminder Singh
(Ketua Pasukan)

LAPORAN P.S.S.G.M.



Guru Penasihat	:	Ustaz Zawawi, Ustaz Imran dan Ustaz Arif
Pengerusi	:	Khairul Shamsul bin Darby
Timbalan	:	Mohd Faizal Jaafar
Setiausaha	:	Irsyad Sidi
Timbalan	:	Mat Rizwan
Bendahari	:	Kamarulizam Juwahir
Timbalan	:	Mohd Shakief
A.J.K.	:	Sharuzi, Mohd Idris, Mohd Aizam
A.J.K. (Khas) Silat Olahraga	:	Mohd. Yusof B.C. Abdullah
Gurulatih	:	Encik Mohd Tahir bin Saidon (Khalifah Muda Majlis Beradat N. Selangor)
Penolong	:	Mohd Saiful Anuar bin Hj. Mokhtar

Assalammualaikum w . b . r .

Pada tahun ini Pertubuhan Silat Seni Gayong (Malaysia) telah kehilangan pengasasnya yang amat dihormati iaitu Dato' Paduka Meor Abdul Rahman Uda Mohammad Hashim. Beliau telah pergi ke rahmatullah. Kami mendoakan rohnya dirahmati oleh Allah s . w . t. Persatuan kami telah mengondol 2 pingat emas dan 1 pingat perak di kejohanan remaja kebangsaan di Kota Bharu. Persatuan kami juga diberi penghormatan untuk mengadakan demontrasi.

Aktiviti-aktiviti kami:-

Bulan		**Jenis Aktiviti**
1.91	-	Pengambilan ahli baru dan penyusunan pentadbiran
2.91	-	Pemilihan skuad silat olahraga dan latihan bermula
2.91	-	Berniaga pada hari Jogathon (Gayong Emas)
3.91	-	Berniaga dibulan puasa (Gayong Raya)
2.91	-	Demontrasi di Persembahan Perdana P.S.S.G.M. di Taman Ehsan Dirasmikan oleh Dato' Sabaruddin Chik. (Menteri Kebudayaan dan Pelancongan)

2.91 - Berniaga di Stadium Merdeka (Gayong Merdeka)
4.91 - Demontrasi silat pada minggu Sastera
5.91 - Pemilihan silat remaja untuk negeri Selangor dan Kuala Lumpur
6.91 - Demontrasi silat pada hari guru
7.91 - Ujian bengkung putih dan hijau
8.91 - Demontrasi Hari Merdeka di Stadium Merdeka
11.91 - Pertandingan silat Remaja Dunia di Bali, Indonesia
12.91 - Pertandingan silat Sukan Malaysia (SUKMA)

Persatuan kami telah mengadakan latihan silat olahraga dan silat seni untuk pertandingan atau latihan. Persatuan kami juga bangga kerana dapat melahirkan pesilat negara (Malaysia) untuk menghadapi kejohonan remaja Dunia. Pihak persatuan telah menubuhkan pasukan pelapes untuk menggantikan skuad utama pada masa akan datang.

Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak sekolah, guru-guru penasihat, ibubapa serta Gurulatih. Dengan sokongan moral, ekonomi dan lain-lain segala-gala dapat diatasi bersama-sama. Kami juga memohon maaf kepada guru-guru dan ibubapa kerana sering melakukan kesalahan.

Semoga persatuan kami akan maju lebih hadapan dan berjaya. Hidupkan warisan seni yang berharga ini dan marilah kita memperkenalkan ke seluruh pelusok dunia. Insyaallah Malaysia akan menjulang di dunia persilatan dan negara tidak ketandusan pesilat serta warisan seni ini.

" Hidup Silat " " Hidup Seni Gayong " " Hidup Malaysia ".

- Wassalam -

*Nota : Keputusan Pemilihan Skuad Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan untuk pertandingan remaja kebangsaan di Kota Bahru.

1. Mohd Aizam - Selangor
2. Mohd Shakief - Wilayah Persekutuan
3. Mohd Faizal Jaafar - Wilayah Persekutuan
4. Mohd Abdul Hafiz - Pertubuhan Silat Seni Gayong (Malaysia)

Pasukan M.B.S. menghantar 6 orang peserta dan 4 orang terpilih ke Kelantan.


- Keputusan Silat Remaja Kebangsaan di Kota Bharu

Ting. 2 SP 2	-	Mohd Aizam (Selangor)	:	Juara
Ting. 2 PD 4	-	Mohd Abdul Hafiz (Pertubuhan Silat Seni Gayong M'sia)	:	Juara
Ting. 4 Sastera 1	-	Mohd. Shakief Zainuddin (K. Lumpur)	:	Juara

- Ketiga-tiga terpilih mewakili Malaysia di dalam kejohan Remaja Dunia di Bali, Indonesia.

Irsyad Sidi
Setiausaha

LAPORAN SKUAD BOLASEPAK MUSIM 1990-91



Nama pemain-pemain yang mewakili skuad bawah 15 & 18 tahun

Skuad Bawah 18 tahun

1. D. P. Tharmakumaran (Kapten)
2. A. H. Faarhad Masraf (P. Kapten)
3. S. Sangkar
4. N. Chandran
5. A. Murugaih
6. N. Muthamilselvam
7. R. Raja Azmi
8. C. Ragoonath
9. S. Raja Mohan
10. T. Gunaseelan
11. A. Mohd. Nassir
12. S. Chandraseenan
13. K. Kamal Azlan
14. A. Mohd. Zulkifli
15. M. A. Meor Nor Ramli
16. I. Zulkifli
17. R. Rudi Salleh
18. Ng Boon Keat
19. I. Mohd Fami
20. M. Manivanan

Skuad Bawah 15 tahun

1. I. Mohd. Tarmizi (Kapten)
2. N. Shahril (P. Kapten)
3. A. G. Mohd. Fadhil
4. A. G. Mohd. Faizal
5. J. Mohd. Norman
6. T. A. Tengku Mohd. Haidar
7. A. Kunaseelan
8. S. Tamilvanan
9. R. Sivakumaran
10. Z. Azlisham
11. M. A. Mior Nor Syamsul Kamal
12. R. Mohd. Syamsul
13. K. Mohd. Nizam
14. A. Shahrizal
15. A. Saiful Azuan
16. R. K. Yuhendri
17. J. Mohd. Amran
18. A. H. Adam Kusyairi

Skuad bolasepak bawah 18 tahun telah diletakkan sebagai 'favourite' untuk layak ke peringkat antara zon. Malangnya, kami tidak layak ke peringkat antara zon disebabkan skuad kami kurang bernasib baik ditambah pula dengan pengendalian yang tidak berapa teratur oleh penganjur pertandingan.

Keputusan perlawanan-perlawanan peringkat Zon Sentul Bawah 18 tahun

M.B.S.	1 - 4	Raja Abdullah
M.B.S.	9 - 0	Taman Bukit Maluri
M.B.S.	1 - 3	Kepong Baru
M.B.S.	3 - 6	Maxwell

Walaupun kami tidak layak ke pertandingan akhir namun kesemua pemain telah bermain dengan penuh semangat dan tidak berputus asa.

Bagaimanapun, skuad bolasepak bawah 15 tahun telah mempamerkan persembahan yang baik sekali apabila muncul sebagai johan Zon Sentul. Skuad bawah 15 tahun kemudiannya berjaya layak ke peringkat separuh akhir antara zon-zon Wilayah Persekutuan yang mana walaupun mereka telah ditewaskan namun akhirnya mendapat tempat ke 3.

Keputusan perlawanan-perlawanan peringkat Zon Sentul Bawah 15 tahun

M.B.S.	5 - 1	Raja Abdullah
M.B.S.	7 - 0	Taman Bukit Maluri
M.B.S.	4 - 1	Maxwell
M.B.S.	3 - 1	Kepong Baru
M.B.S.	4 - 0	La Salle

M.B.S. muncul johan Zon Sentul

Keputusan perlawanan-perlawanan peringkat Antara Zon

M.B.S.	2 - 0	Maktab Tentera Di Raja
M.B.S.	7 - 0	M.B.S. Kuala Lumpur
M.B.S.	1 - 0	Setapak High School
M.B.S.	1 - 2	Sekolah Cochrane (separuh akhir)

M.B.S. mendapat tempat ke 3 (mengikut kiraan mata)

Selain daripada kejayaan mendapat tempat ke 3 dalam Wilayah Persekutuan, skuad bawah 15 tahun telah menonjolkan pemain-pemain yang berbakat. Pemain-pemain inilah yang akan menerajui cabaran untuk skuad bawah 18 tahun pada musim akan datang.

Kesemua pemain dari skuad bawah 15 & 18 tahun (musim) ini telah menunjukkan prestasi yang baik serta disiplin yang tinggi. Mereka telah membuktikan bahawa skuad bolasepak M.B.S. Sentul adalah pasukan yang baik serta bersemangat tinggi serta berdedikasi. Sesungguhnya mereka telah mengharumkan nama sekolah.

Tetapi di sebalik kejayaan-kejayaan yang telah kami capai adalah guru-guru serta beberapa orang yang tidak mengenal erti penat lelah. Terima kasih kami ucapkan kepada Pn. Norsiah, Encik Vellurajan, Encik Balbir, Encik Kumaresan serta guru-guru lain yang pernah membantu kami dalam apa-apa. Tak lupa kepada gurubesar, Encik Athputarajah yang telah memberi kata semangat.


Akhir sekali kami luahkan ribuan terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada jurulatih dan gur-guru penasihat kami iaitu Encik Mohd. Noh, Encik Shahril dan Encik Poovanendiraraj; segala ini tidak akan tercapai tanpa bimbingan cikgu bertiga. Diharap pemain-pemain tahun (musim) depan akan bermain penuh semangat.

P.S. : "The luck of having talent is not enought, the talent of having luck is quite important too" (English Proverb)

"MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA"

Faarhad Masraf
Pen. Kapten

LAPORAN KELAB MUZIK



Guru Penasihat	:	En. C. Daniel Sinniah
	:	Cik Nor Hadijah Hasim
Pengerusi	:	Kassim Hj. Talib
Naib Pengerusi	:	Kyairul Anuar
Setiausaha	:	Sundara Bala Siva Subaramaniam a/l Aranggan
Bendahari	:	Roy Lim
A.J.K.	:	Mohd Hanif Bin Malik
		Ridzuan Bin Hasan
		Yusli Bin Yussuf
		Kamarulzaman
		Ahmad Saladeen
Bil Ahli	:	20 orang


Selamat sejahtera. Buat pertama kalinya kelab ini telah ditubuhkan. Tujuan kelab ini di tubuhkan ialah untuk menarik minat pelajar-pelajar yang minat pada muzik. Kami juga mengadakan aktiviti-aktiviti kelab muzik ini pada tiap-tiap hari Selasa. Disebabkan beberapa halangan kelab kami tidak dapat membuat apa-apa persembahan di sekolah.

Akhir kata, kami bagi pihak kelab muzik ini ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada guru-guru penasihat kelab ini atas kerjasama mereka. Kami juga berharap agar pada masa akan datang kelab ini akan terus berkembang dengan aktif.

Terima Kasih.

Sundara Bala Siva Subaramaniam
(Setiausaha)

LAPORAN KELAB SQUASH DAN PASUKAN SQUASH



Presiden	:	Chin Soon Hin	AJK	:	Ang Zin Kwai
Naib Presiden	:	Tan Chee Khoon		:	Kueh Choon Wai
Setiausaha	:	Tan See Jui		:	Amrit Singh
Bendahari	:	Lam Wai Khuen			

Guru Penasihat : En. Yam Fook Poh

Kelab kami kini mempunyai seramai 26 orang ahli. Latihan dijalankan pada setiap hari Jumaat di Gelanggang Squash St. Joseph selepas sekolah. Latihan fizikal juga dijalankan satu kali sebulan pada hari Sabtu di Taman Tasik Titiwangsa. Antara aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan ialah:


1. Pertandingan Squash anjuran MILO
2. Pertandingan Squash antara sekolah-sekolah di Zon Sentul
3. Latihan Squash bergabung dengan sekolah lain

Akhir kata, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat kami En. Yam di atas nasihat dan dorongan yang diberikan oleh beliau.

Sekian, terima kasih.

TAN SEE JUI
SETIAUSAHA

LAPORAN KELAB TENIS



Guru Penasihat	:	Encik Saiful			
Pengerusi	:	Tan Jiun Keat	Naib Pengerusi	:	Looi Kok Wai
Setiausaha	:	Looi Mun Khuen	Bendahari	:	D. G. Leopard
A.J.K.	:	Stewart, Wong Mun Keong			

Latihan tenis diadakan pada setiap Jumaat petang untuk sesi pagi dan pada sebelah pagi untuk sesi petang.

Seramai 8 orang telah menyerati pertandingan MSSWP yang diadakan pada bulan Februari di gelanggang tenis Jalan Duta. Pemain-pemain di bawah 15 tahun telah ditewaskan di pusingan awal manakala dalam kategori 18 tahun, Roshaslan berjaya memasuki pusingan kedua.

Sebelum mengakhiri laporan ini, saya bagi pihak ahli jawatankuasa kelab ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Saiful, Encik Balbir dan Encik Yam di atas segala tunjuk ajar dan nasihat mereka.

LOOI MUN KHUEN
Setiausaha


Education is the process or driving a set of prejudices down your throat.

(Martia H. Fischer)

The things tought in schools and colleges are not an education, but the means of education.

(Emerson)

LAPORAN KELAB KARATE



Ahli - ahli Jawatankuasa 1990/91

Pengerusi	:	Ramesh
N. Pengerusi	:	Sivananthan A/L Harikrishnan
Setiausaha	:	Poovaneswaran
N. Setiausaha	:	Shekar A/L Marimuthu
Bendahari	:	Easwaran
N. Bendahari	:	Maniraja
Perhubungan awam	:	M.Kumaran
Perkhidmatan kelab	:	Tharma
	:	Vijendran
Guru Penasihat	:	En. Veelurajan
Guru Kelab	:	En, Subramaniam

Dalam pertandingan Malaysia Karate Federation Junior's Tournament (MAKAF) berapa orang ahli kelab kami telah berjaya

P. Thiagu - Emas dalam acara bawah 18 tahun.
Shekar A/L Marimuthu - Emas dalam acara berpasukan
Poovaneswaran - Perak dalam acara bawah 18 tahun.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan penghargaan kepada En.Veelurajan dan En. Subramaniam di atas segala tunjuk ajar dan bimbingan mereka selama ini. Kelab Karate ini berpegang teguh kepada prinsipnya iaitu 'Toleransi'.
Ia mempunyai seramai 30 orang ahli yang berdedikasi dan aktif. Semoga Kelab ini akan lebih berjaya di masa hadapan.

" MAJULAH KARATE UNTUK SEKOLAH"

Shekar A/L Marimuthu
N. Setiausaha

LAPORAN KELAB KAROM



Pengerusi	:	Noel H. Augustine
Naib Pengerusi	:	Guna Pregash
Setiausaha	:	Kumaran
Naib Setiausaha	:	Khoo Tuan Yung
Bendahari	:	Eswaran
Ajk	:	Ho Kam Fatt, Venugopal, Asmadi
Guru Penasihat	:	Pn. Wan Noorani

Matlamat utama kelab ini ialah meninggikan taraf permainan karom dan menyemai minat bermain karom di kalangan pelajar-pelajar sekolah ini. Bilangan ahli dalam kelab ini ialah 26 orang. Mesyuarat diadakan pada setiap akhir bulan dan latihan pada setiap hari Isnin.

Satu pertandingan karom bagi sissi pagi telah di adakan pada awal semesta kedua .Sambutan daripada pelajar-pelajar adalah sangat memuaskan.

Akhir kata, saya sebagai wakil kelab, ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak sekolah dan terutamanya guru penasihat kami Pn. Wan Nooraini yang telah banyak memberikan dorongan, serta masa untuk mempastikan kelicinan perjalanan kelab ini.

Noel H. Augustine
Pengerusi

Education makes people easy to lead but difficult to drive, easy to govern but impossible to enslave.

(Brougham)

RUMAH HIJAU



Mesyuarat Agung Diadakan pada awal tahun untuk melantik AJK tahun 1991

Kapten Rumah	:	Selvakumar
Pen. Kapten	:	Cheah Kee Tian
Setiausaha	:	Tay Siew Teong
Pen. Setiausaha	:	Partiban
Bendahari	:	Eswaran
Pen. Bendahari	:	Sharul

Ketua Permainan

Bola Tampar	:	Chin Shuen Wen	Catur	:	Khoo Boon Keat
Bola Sepak	:	Raja Mohan	Tennis	:	Tan Jun Kiat
Badminton	:	Yap Keng Teck	Hoki	:	Vijay
Olahgara	:	Gunaseelan	Ping pong	:	Yap Thim Fatt
Sepak Takraw	:	Suhaimi			

Guru Penasihat

Sessi Pagi	Sessi Petang
Pn. Amarjit Kaur	En T. Andrew James
En. Mohd Noh Bukhari	Pn. Eshah Othman
Pn. Susikala K.M. Nair	En. Choo Chee Seng
En. Yan Fook Poh	Pn. Melor Othman
Pn. Mariah Jamil	Pn. Lai Seow Lin
Pn. Salwani Jusoh	En. Lim Tong Eng
Pn. Zuraini Md.Ibrahim	

Tahun ini Rumah Hijau telah mencapai kejayaan yang telah dibanggakan keran Rumah Hijau telah muncul sebagai Johan dalam Temasnya Sukan Tahunan sekolah di Stadium Merdeka dengan mengal-ahkan rumahrumah lain.
Pada tahun ini satu acara baru iaitu Lari Berganti-ganti Lebuh Raya telah diadakan bagi sekolah ini, dimana Rumah Hijau juga telah muncul sebagi johan.
Saya bagi pihak Rumah Hijau, ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada guru-guru penasihat kami atas tunjuk ajar dan nasihat serta sokongan yang diberikan oleh mereka. Tidak ketinggalan juga, terima kasih kepada ahli-ahli keran telah bersama-sama menjaga pretasi Rumah Hijau.

Tay Siew Leng
Setiausaha

LAPORAN RUMAH KUNING



Senarai AJK 1990 / 1991:

Ketua Rumah	:	Lye Soon Khin	Pen. Ketua	:	Nordin
Setiausaha	:	Augustine Lee Yee Heng	Bendahari	:	Shanka
Pen. Bendahari	:	Gunalan			

Ahli Jawatankuasa Permainan

Olahraga	:	Thinarajan	Bolasepak	:	Tharma
Hoki	:	Bhupinder Singh	Badminton	:	Lye Soon Wen
Bola Tampar	:	Tan Wee Teck	Bola Keranjang	:	Ong Wah Soon
Sepak Takraw	:	Mohd Ezwan	Catur	:	Koh Kok Hong
Tennis	:	Lau Seong Lim			

Guru-Guru Penasihat

Sessi Pagi

Pn. Zakiah Daud (Ketua)	En.K.Selvarajah
Pn. Lau Chong Kong	En. Rama Rao
Pn. Mariatum	Pn. Nor Hadijah Hashim

Sessi Petang

En. Abd Rahman Abdullah	En. A.F.Devadass
En. Mohd Nor	Pn. Nurbaini Zainal Abidin
Pn. Azizah Abdullah	Pn. Oliza Omar
Pn. Choo Lik Pin	

ACARA MERENTAS DESA

Rumah Kuning telah mendapat tempat ketiga . Peserta-peserta Rumah Kuning telah berusaha sedaya upayanya dalam pertandingan Merentas Desa yang diperkenalkan di sekolah ini dan telah berjaya mendapat beberapa pingat dalam pertandingan tersebut.

TEMASYA SUKAN TAHUNAN

Pada tahun ini Rumah Kuning hanya mampu mrnduduki tempat yang kedua di belakang Rumah Hijau Walau bagaimanapun Rumah Kuning menjuarai Kelas I.

Pelari-pelari Rumah Kuning telah terpilih sebagai Olahragawan sekolah bagi Kelas I . Mereka telah mewakili sekolah di dalam acara olahraga bagi pertandingan olahraga MSSWP . Mereka pun berjaya dan mendapat beberapa pingat dalam pertandingan yang tersebut.

Pada keseluruhannya pencapaian Rumah Kuning pada tahun ini adalah cemerlang . Disini , saya mengucapkan kepada semua ahli yang telah memberi sepenuh sokongan kepada Rumah Kuning . Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terimakasih dan tunjukajar serta nasihat demi kejayaan Rumah Kuning tahun 1991.

Akhir kata daripada saya,"MAJULAH SUKAN UNTUK RUMAH KUNING".

Augustine Lee Y.H
Setiausaha.

RUMAH MERAH



Ketua Rumah	:	Foo Sik Seng	N. Pengerusi	:	Suresh
Setiausaha	:	Chin Yoon Tze	N. Setiausaha	:	B. Parathaman
Bendahari	:	Lee Chee Keong			

Ahli Jawatankuasa

1. Mohd Zulkifli
11. Shamsul
111. Anthony Lim

Ketua-Ketua permainan :-

Olahraga	:	Choy Weng Kiat	Bola Tampar	:	Tay Kean Meng
Bolasepak	:	Hari	Bola Keranjang	:	Moi Chin Huat
Hoki	:	Updesh Singh	Sepak Takraw	:	Fadzil
Badminton	:	Low Wan Leong	Tennis	:	Looi Mun Khuen
Catur	:	Tan Tien Wei			

Guru-guru Penasihat :

Sesi Pagi

Cik. Mary Raj (Ketua)
En. Poovanediraraj
Pn. Wan Noraini
Pn. Wan Bahiah Wan Nik
En. Mohd. Fadzil Mohd Jaafar
Pn. Rohani Ibrahim
Pn. Nor Azlina


Pencapaian keseluruhan bagi Rumah Merah pada tahun ini kurang memuaskan. Walaupun kami telah gagal untuk menyaingi rumah-rumah lain di dalam acara merentas desa dan Sukan Tahunan Sekolah, namun kami berasa bangga kerana telah berusaha bersungguh-sungguh serta telah menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi.

Bagaimanapun, beberapa Orang ahli Rumah Merah telah menunjukkan bakat mereka dalam sukan olahraga seperti Baskaran H Sasteral. Syabas diucapkan.

Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas dorongan guru-guru penasihat kami, serta ahli-ahli Rumah Merah. Akhir kata dari kami, **"Majulah Sukan Untuk Sekolah"**

Chin Yoon Tze
Setiausaha

LAPORAN RUMAH BIRU



Pengerusi	:	Mohd Lokman (5sc2)
Naib Pengerusi	:	Oh Keat Ghee (4sc1)
Setiausaha	:	Chai Jenn Lin (5sc1)
Naib Setiausaha	:	Lam Wai Khuen (4sc1)
Bendahari	:	M.Kumaran (5p1)

AJK-AJK Permainan

Olahraga	:	Cheng Chong Wai (5p1)
Badminton	:	Gopi (5p1)
Sepakraga	:	Farid (5sas2)
Catur	:	Roy Lim (5sc2)
Hoki	:	Sinnathamby (5sas1)
Tenis	:	Oon Jin Hsiong (5sc1)
Bola Tampar	:	Ng Wee Soon (3pd5)

Guru-guru penasihat,

Sesi pagi,
Pn. Norkhidah Abdullah (Ketua)
En. Su Too Fong
Pn. Hajah Siti Aishah
En. Mohd Nor Shafie
Pn. Helena Fong


Sesi petang,
En. Cheang King Ting (Ketua)
Pn. Hwang Boon Yong
Pn. Kwok Yon Chee
En. Abd Wahid Abdullah
Pn. Kalsom Abdullah
Cik Ooi Bee Geok

Biarpun Rumah Biru mendapat tempat ke empat tahun ini tetapi kami tidak berputus asa, sebaliknya kami berusaha dengan lebih gigih lagi pada tahun-tahun akan datang. Terima kasih atas bimbingan guru-guru kerana tanpa mereka kami tidak dapat menjalankan tugan ini dengan sempurna.
Ribuan terima kasih juga kami ucapkan kepada para pelajar sekalian keran bekerjasama untuk menaikkan nama rumah. Semoga tahun akan datang menjanjikan kemenangan kepada Rumah Biru.

"Bangunkan Rumah Biru".

Yang Bertugas,
Chai jenn Lin.
(Setiausaha Rumah Biru)

LAPORAN RUMAH UNGU



Senarai AJK bagi tahun 1991 ialah:

Ketua Rumah	:	Chan Seng Wai	Pen. Ketua	:	Nurul Ain
Setiausaha	:	Azmudin	Pen. Setiausaha	:	Keshvinder
Bendahari	:	Yusli Yussof			

Ahli Jawatankuasa Permainan:

Olahraga	:	Haniff	Sepaktakraw	:	Feno
Bolasepak	:	Keshvinder	Bola Tampar	:	Tee Wooi Cheong
Badminton	:	Lim Kee Hong	Catur	:	Ang Ban Giap
Tenis	:	Wong Man Kheong	Ping Pong	:	Poon Kean Hin
Hoki	:	Azmudin			

Guru-guru penasihat:

Sesi pagi	Sesi Petang
Pn. Yee Kok Seong (Ketua)	En. Mashar Hamdan
Pn. Teoh Kwan Swee	Pn. Nooraini Abd. Hamid
Pn. Rosnee bt. che Hashim	En. Douglas Ratnapala
En. Athitan	En. Chandra Daniel Sinniah
En. Lim Ther Peng	Pn. Zaitun Md. Isa
En. Zainuddin bin Amran	Pn. Rahmah Othman


Pencapaian keseluruhan bagi Rumah Ungu pada tahun ini kurang memuaskan. Dalam acara merentas desa kami gagal untuk menyaingi rumah-rumah lain tetapi dalam Temasya Sukan Tahunan kami telah berjaya meragut beberapa pingat walaupun kami kekurangan jaguh dalam acara trek dan balapan. Pretasi yang telah ditunjukkan ahli-ahli dari kelas 2.

Kami juga berasa bangga kerana telah berusaha bersungguh-sungguh dan pada keseluruhannya kami telah menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi. Akhirnya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas dorongan guru-guru penasihat dan kerjasama dari ahli-ahli Rumah Ungu.

Majulah Sukan Untuk Sekolah

Seng Wai,
Ketua Rumah

LAPORAN PERSATUAN BULAN SABIT MERAH WP (Y) 21



Ahli-ahli Jawatankuasa 1990/1991

Pengerusi	:	Ivan Chong
Naib Pengerusi	:	Shaharin b. Shamsudin
Setiausaha	:	Suhaimi b. Ismail
Naib Setiausaha	:	Yusri b. Abdul Latip
Bendahari	:	Zulkifli b. Zainal Abidin
Naib Bendahar i	:	Saiful Azmi b. Kusenan
Peg. Disiplin	:	Abdul Saleem b. Said Mohd
Naib Peg. Disiplin	:	Mohd Ridhuan b. Abdul Malek
Ketua AJK	:	Tajul Ariffin b. Sirun
Naib Ketua AJK	:	Mohd Suhaimi b. Rahmat
Guru Penasihat	:	Encik Mohd. Noh b. Buhari
	:	Encik Mohd Noh Shafie

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan:


1) Pendaftaran ahli-ahli baru.
2) Lawatan Muhibah ke Sek. Men. (P) Jalan Ipoh.
3) Bertugas semasa kejohanan Merentas Desa.
4) Bertugas semasa pertandingan Hoki dan Bola Sepak.
5) Bertugas semasa hari Sukan Tahunan bertempat di Stadium Merdeka.
6) Mengadakan jualan kad Hari Raya Cina.
7) Mengikuti Kursus Pertolongan Cemas di Port Dickson.
8) Mengadakan Majlis Jalinan Mesra.
9) Mengadakan Projek Bantuan Makanan kepada murid-murid yang miskin.
10) Mengadakan kutipan derma untuk Projek Bantuan Makanan.
11) Majlis perpisahan dan perletakan jawatan oleh ahli Jawatankuasa 1990/1991.
12) Mengadakan Perkhemahan.

Akhir kata, kami ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Guru Penasihat kami yang banyak membantu meluangkan masa untuk persatuan dan banyak memberi nasihat kepada ahli Jawatankuasa. Tidak ketinggalan juga kepada ahli-ahli lain yang telah menunjukkan sikap bekerjasama dalam menjayakan segala aktiviti di dalam persatuan ini.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA, SEKOLAH DAN PERSATUAN

Suhaimi bin Ismail
Setiausaha

LAPORAN KUMPULAN PENGAKAP KE 12 BATU



Senarai ahli jawatankuasa bagi tahun 1991/1992:-

Pemimpin Pengakap	:	En. Chew Theam Siew	Quatermaster I	:	Sdr. Chin Soon Hin
Pen. Pemimpin	:	En. Goh Swee Huat	Quatermaster II	:	Sdr. Muhamad Nazri
Guru Penasihat	:	En. Saiful Munir	Penghubung Kumpulan	:	Sdr. Lim Choon Mun
	:	Pn. Helena Foo	AJK	:	Sdr. Chin Siong Yew
Ketua Kumpulan	:	Sdr. Oh Keat Gee		:	Sdr. Pua Eu Kok
Pen. Ketua	:	Sdr. Chua Kok Sing		:	Sdr. Hazizul
	:	Sdr. Lam Wai Khuen		:	Sdr. Chow Kah Wai
Setiausaha Kumpulan	:	Sdr. Haimahnizam			
Pen. Setiausaha	:	Sdr. Tan See Jui			
Bendahari Kumpulan	:	Sdr. Gan Teck Hooi			
Pen. Bendahari	:	Sdr. Saiful Rizal			

Kumpulan ini mempunyai ahli seramai 93 orang dan mengadakan mesyuaratnya pada setiap hari Sabtu jam 8.30 pagi. Kumpulan ini ditubuhkan untuk mengujudkan satu masyarakat yang berdisiplin dan berdikari dalam kehidupan mereka.

Aktiviti :-

1.	Nov 90	-	Satu ekspedisi berbasikal ke Melaka dan ekspedisi berjalan kaki ke Klang Selangor diadakan bagi Lencana Tertinggi Pengakap.
2.	15 Dis 90	-	Pengambilan ahli baru bagi kumpulan ini.
3.	22 Dis 90	-	Hari Penyampaian Sijil dan Penganugerahan Pengakap
4.	12 Jan 91	-	Bertugas semasa Hari Merentas Desa di sekolah selepas itu diadakan satu mesyuarat dengan pandu puteri Sek. Men. Convent Sentul.
5.	19 Feb 91	-	Bertugas semasa sukan tahunan sekolah di Stadium Merdeka.
6.	23 - 25 Feb 91	-	Satu perkhemahan diadakan di sekolah yang bertujuan untuk melatih ahli baru.
7.	12 - 16 Mar 91	-	Mengadakan satu jualan 'Jumble Sale' bersama persatuan Bahasa Cina dan Pusat Sumber.
8.	16 Mar 91	-	Mengadakan satu lawatan ke Taman Pertanian Malaysia Bukit Cahaya Seri Alam.
9.	8 Apr 91	-	Ujian Kebudayaan bagi Lencana Tertinggi Pengakap
10.	22 - 25 Mei 91	-	Satu perkhemahan musim cuti di Taman Rimba Templer Park. Ujian Kehidupan Dalam Hutan diadakan bagi Lencana Tertinggi Pengakap.
11.	29 Jun 91	-	Malam Kebudayaan Pengakap di sekolah
12.	Ogos 91	-	Satu lawatan ke Bukit Fraser/Cameron Highlands
13.	26 Okt 91	-	Satu perkhemahan gabungan dengan sekolah lain.

Sebelum saya mengakhiri laporan ini ribuan terima kasih diucapkan kepada pemimpin dan guru penasihat di atas tunjuk ajar yang diberikan bagi memajukan kumpulan ini.

Dilapurkan oleh,
Sdr. Haimahnizam
(Setiausaha Kumpulan)

SUDUT

Bahasa Malaysia



TERMAKAN

Ali : Atuk, kalau termakan batal tak puasa kita?
Atuk : Eh! tidak. Apasal cucu termakan apa?
Ali : 1 tin pepsi, 4 bungkus nasi lemak, 3 roti canai, 1 mangkuk ABC.
Atuk : ??!!!!!

Oleh
Mohd Faisal
3 Pd 2

MENINGGALKAN DUNIA

Ali : Mana bapa awak Abu??!
Abu : Bapa saya telah meninggalkan dunia ini!!!
Ali : Saya rasa simpati dengan awak.
Abu : Kenapa simpati ni?!
Ali : Kan bapa engkau telah meninggal dunia?
Abu : Bapa aku tu seorang angkasawan, dia meninggalkan dunia ini untuk pergi ke bulan!!
Ali : Laa, cakaplah!!!!

Oleh
Mohd Amran 3 Pd 2

BERAT

Doktor : Awak sakit apa?
Pesakit : Begini doktor, badan saya ni kurus tapi saya nak badan saya jadi berat!!
Doktor : Senang saja! angkatlah berat.

Oleh
Mohd Faisal 3 Pd 2

KERANA KAU

Kerana kau anak sekolah yang
masih dalam bangku darjah dua
maka kau begitu kasar telah
ditikam dengan kata-kata kesat
semata-mata kerana tidak beratur
sewaktu menaiki bas

Kerana kau seorang dewasa yang
sudah matang dan mampu berfikir
maka kau tidak diapa-apakan
walaupun menghisap rokok di bawah
papan tanda dilarang merokok.

Kerana kau seorang gadis cantik
yang punya sekuntum bibir basah
maka. kau amat mudah
untuk diberi maaf
lalu senang sekali
mendapatkan 'lift' percuma

Kerana kau seorang pengemis buta
yang comot dan kotor tak terurus
sarat pula dengan bakul
dan rotan anyam
maka kau tidak diambil kira
lalu bas pun tak mahu berhenti
sehingga
merabalah engkau berjalan kaki
ditengah kota yang kaku
yang semakin kehilangan budi

Hasil Nukilan
Shahrul Efendy
5 Sains 2

MALAYSIA

Malaysia . . . . .
Betapa indahnya namamu
Betapa segarnya sebutanmu
Betapa menariknya situasimu
Betapa cantiknya rupamu

Malaysia . . . . .
Kau berada dikhatulistiwa
Yang sering
Ditimpa hujan
Disinari sang suria
Yang tak pernah lekang
Dari mereka

Malaysia . . . . .
Aku kagum
Aku gembira
Aku bersyukur
Kerana diberi peluang . . . . .
Peluang bertapak di bumimu
Bumi bertuah
Ciptaan maha esa . . . . . .

Hasil Nukilan:
Faizul Bin Yusof
5 Sains 2

WARNA

Putih . . . . .
Adalah warna
Kesucian
Lambang kelahiran bayi

Hijau . . . . .
Warna ketenangan
Mencerminkan jiwa yang suci
Beriman

Biru . . . . .
Adalah warna kedamaian
Anugerah tuhan
Buat Makhluk ciptaanNya

Hitam . . . . .
Mencorakkan warna kegelapan
Malam
Merupakan kesenangan

Warna . . . . . Warni . . . .
Adalah tayum-tamayum mata

Ciptaan
Muhd. Yusof
5 Sastera 1

CORETAN BUAT MAMA

Mama. . . . .
Seraut wajahmu
yang paling indah
menggambarkan keriangan
tetapi dihati tiada
siapa yang tahu
akan penderitaan yang kau alami.....

Mama. . . . .
Kau mencari rezeki
tanpa mengira penat
atau letih
demi kebahagiaan anakmu
yang kian meningkat dewasa
Aku di sini terharu
dengan pengorbananmu.....

Mama. . . . .
Kau adalah wanita
yang ku kagumi
walaupun hidupmu
penuh dengan penderitaan
namun kau tabah menghadapinya.....
biarpun dugaan datang melanda.

Mama. . . . .
Sesungguhnya syurga itu
ditelapak kakimu
Berkat doa dan restumu
aku yakin, aku mampu
melakukannya di sisimu.....

Coretan rasa,
Shamsul Baharil
5 Perdagangan 2

SAHABAT

Teman,
Kau bagai pelita bagiku
nilaimu tiada tandingannya
jiwamu tulus
penyuluh jiwa yang gelap
menerangi hati ini

Teman,
Hilai ketawamu
tidak akan kulupa
suara yang tak pernah reda
setiap masa
pasti
ada sahaja

Teman,
Gelagatmu tidak pernah membosankan
bicaramu tidak pernah menyakitkan
semuanya pasti riang
seriang
kicauan burung

Teman,
Telah sebelas tahun kita bersama
menempuh segalanya
menimba ilmu bersama
demi negara tercinta

Teruskanlah . . . . . Teruskanlah
moga kalian berjaya
selamanya . . . . .

Ciptaan :
Faizul Bin Yusof
5 Sains 2

GURUKU

Guru. . . . .
Didikan yang kau curahkan
Membimbing anak watan
Mengharungi segala pancaroba hidup
Tidak akan kekeringan

Guru. . . . . .
Jasamu yang tak pernah gersang
Terus melimpah dan membasahi
Fikiran anak bangsa
Yang bakal jadi pemimpin negara
Sesekali tidak akan dilupa

Guru. . . . .
Terima kasih. . . Terima kasih
Ini sahaja yang dapat aku. .
Ucapkan untukmu
Yang telah berjaya pada
Nusa dan bangsa

Hasil Nukilan:
Faizul Isma Bin Yusof
5 Sains 2

Muafakat itu membawa berkat.

Kesihatan itu mahkota kepada orang sihat.

Lidah manusia itu lebih tajam daripada mata pedang.

Tidak ada yang lebih mencelakakan daripada bekerja tidak memakai ilmu pengetahuan.

INILAH MALAYSIA

Malaysia sudahpun mencapai kemerdekaan sejak lebih 34 tahun yang lalu. Dan pada tiap-tiap tahun rakyat Malaysia menyambut hari kemerdekaan dengan penuh gemilang dan kegembiraan tidak kira bangsa baik Melayu, Cina atau pun India.

Kita sungguh bertuah kerana menjadi rakyat Malaysia. Malaysia sekarang sudah bertambah maju dan makmur hasil kerjasama rakyat berbilang kaum. Keadaan ekonomi negara kita juga adalah stabil dan kita tidak mengalami masalah kebuluran seperti negara-negara lain. Malah kita juga tidak mengalami bencana alam yang teruk seperti ribut taufan, gempa bumi serta ancaman gunung berapi.

Sesungguhnya Malaysia memanglah sebuah negara yang bertuah dari segala segi. Umpamanya kita mempunyai rakyat dan masyarakat yang peramah dan tidak lokek dengan senyuman. Kita mempunyai pemimpin negara yang mengambil berat hal kebajikan rakyat dan berusaha untuk membangunkan negara. Negara kita bebas dari ancaman komunis dan anasir-anasir jahat. Negara kita mempunyai iklim yang baik dan pemandangan yang indah serta nyaman. Pembangunan bandar-bandar dan kemudahan infrastruktur adalah setanding dengan negara-negara maju. Kita juga mempunyai alatan-alatan berkomputer, mesin-mesin serta sistem pengangkutan yang lengkap dan canggih.

Semasa hari-hari perayaan. Sebagai sebuah negara majmuk, sudah tentunya Malaysia mempunyai berbagai perayaan. Antaranya perayaan Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji yang disambut oleh orang-orang Melayu beragama Islam, Tahun Baru Cina dan Hari Wesak oleh orang Cina dan Hari Depavali dan Thaipusam oleh orang India. Ini adalah sesuatu yang sungguh unik di Malaysia dan kita dapat beraya di antara kaum, mempelajari tentang kebudayaan sesuatu kaum dan sekali gus merapatkan hubungan di antara kaum.

Perhubungan yang erat di antara kaum merupakan satu perkara yang penting kerana melaluinya kita dapat hidup aman dan damai dan peristiwa yang menyayat hati seperti berlaku pada 13 Mei tidak akan berulang kembali. Sebagai sebuah negara tidak lari daripada pertelingkahan dan perbezaan pendapat di antara kaum. Namun bahangnya tidak begitu ketara dan tidak menimbulkan perbalahan yang menumpahkan darah. Jikalau kita bersatu padu, saling hormat-menghormati dan tidak mempermain-mainkan agama dan kebudayaan sesuatu kaum maka kita dapat hidup bersama dan beramah mesra. Malah perkahwinan campur di antara kaum juga menunjukkan bahawa rakyat Malaysia sudah bersatu dan menganggap ia bukanlah suatu perkara yang salah.

Itulah Malaysia, penuh dengan keunikan dan keindahan. Walaupun kaum-kaum yang tinggal di Malaysia mempunyai bahasa yang berbeza tetapi mereka menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan mereka. Malah bukan itu saja, keindahan alam dengan tumbuh-tumbuhan hijau, air laut yang jernih dan biru, gunung-ganang yang indah serta iklim yang panas dan sejuk sepanjang tahun menjadikan ia sesuai untuk dijadikan kawasan industri perlancongan.

Namun begitu ada juga segelintir rakyat Malaysia yang tidak menyintai negara sendiri. Mereka menganggap bahawa Malaysia sebagai sebuah negara yang tidak 'standard' atau berkelas rendah. Tidak seperti negara-negara barat yang lain seperti Peranchis, Amerika Syarikat, Britain atau Itali yang jauh lebih maju. Sungguh pelik bagi kita kerana walaupun mereka ini dilahirkan di Malaysia tetapi mereka membenci negara sendiri. Mereka jadikan Malaysia sebagai batu loncatan sebelum mereka berhijrah ke luar negeri. Mereka bekerja dan mengumpul wang sebegitu banyak di Malaysia dan setelah mereka kaya dan bergelar jutawan mereka akan berhijrah ke negara lain sungguh pun di sini aman dan makmur. Mereka seolah-olah tidak mahu tinggal di negara sendiri. Namun begitu semua harus ingat bahawa hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri. Namun begitu lebih baik hujan batu di negeri sendiri daripada hujan emas di negeri orang. Dengan itu marilah kita tanamkan sifat cinta dan taat setia kepada negara kita, MALAYSIA.

Ditulis oleh:
Nik Nasaruddin Nik Mohd
5 Perdagangan 1

PENDERAAN TERHADAP KANAK-KANAK

Masalah penganiayaan kanak-kanak kini meningkat ke tahap yang membimbangkan. Fenomena ini berlaku di seluruh dunia termasuk negara kita. Memang menyedihkan, pada zaman yang serba moden dan tahap pemikiran dan pelajaran yang tinggi serta maju dalam pelbagai bidang, mausia sanggup melakukan perkara yang terkutuk dan keji itu.

Penganiayaan kanak-kanak adalah perbuatan yang meliputi deraan, serangan memperlakukan dengan kejam, pengabaian, meninggalkan dan mendedahkan yang mengakibatkan kecederaan teruk terhadap fizikal atau sehingga menjejaskan mental dan emosi kanak-kanak. Perbuatan salah laku itu ialah seperti mendera kanak-kanak, mendedahkan kepada bahaya, meninggalkan kanak-kanak diperlakukan dengan kejam dan sebagainya.

Kebanyakan kes kanak-kanak yang berlaku di Malaysia membabitkan penganiayaan seks, mencederakan secara fizikal seperti memukul, mencucuh dengan putung rokok dan lain-lain serta mendera secara mental. Kebanyakan kes ini dilakukan oleh kaum keluarga itu sendiri, penjaga saudara mara dan kenalan mangsa.

